
**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

RABU, 14 Mac 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]
YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (PSM) 2]
Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]
Encik Muhammad Firdaus bin Mohd Ramli [Setiausaha Bahagian (AD)]

Samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** *(samb/-)*

Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (PSM)]
Encik Mohd. Azizan Abdullah [Penolong Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Hamzah bin Mohd. Noor [Penolong Setiausaha (APR) 3]

Kementerian Dalam Negeri

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Encik Amirul Amrie bin Haji Hasnul [Ketua Penolong Setiausaha]

Jabatan Pendaftaran Negara

Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]
Puan Laila binti Abdul Majid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Cik Zarifah Zulghaffar [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Mazery Zaini [Penguasa]
Encik Daniel Dayin [Penolong Penguasa]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha (Unit Kabinet dan Parlimen)]
Mejar Abdul Rahim bin Musa [PS 2 JPD]
PW2 Ayub bin Abu Bakar [Penyelia ICT]

Kementerian Luar Negeri

Encik Dzulkefly Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha]
Encik Ahmad Rozian [Setiausaha Bahagian JPDA]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalil [Ketua Penolong Pengarah]

MIMOS

YBhg. Abdul Wahab Abdullah [Ketua Pegawai Eksekutif]
Encik Kamarulzaman Abd Mutalip [Pegawai Kanan]

MOSTI

YBhg. Datuk Dr. Bernard Maraat [Pegawai Khas]
Cik Jane Ritikos [Setiausaha Akhbar]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen Malaysia****Rabu, 14 Mac 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.15 petang**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Malaysia. Kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini merangkap Setiausaha Dewan Rakyat, kepada semua pegawai-pegawai kanan daripada agensi-agensi induk yang telah pun memberi sokongan kepada Jawatankuasa ini.

Hari ini ada dua bahagian, nanti kita akan jemput pihak SPR untuk *update* mengenai dengan perundangan yang sedang dalam rekaan mereka. Kedua adalah nanti – saya harap pada hari ini kita boleh terima semua senarai yang dicadangkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa untuk dimasukkan dalam laporan asal. Itu kita akan tapis bersama nanti tetapi sekurang-kurangnya *we should have got the list by today*. Apa sahaja yang dicadangkan, *then from there* kita akan bincangkan nanti dari segi mana yang boleh masuk, mana yang jangka pendek, mana jangka panjang.

Sebelum itu, izinkan saya mengatakan terima kasih sekali lagi atas kehadiran semua. Menurut agenda mesyuarat hari ini, Jawatankuasa akan mendengar taklimat daripada saya katakan tadi Timbalan Suruhanjaya Pilihan Raya berkenaan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh SPR terhadap cadangan dan syor penambahbaikan proses pilihan raya. Selepas itu akan membincangkan laporan daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil untuk dimuatkan dalam laporan akhir Jawatankuasa yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat dalam tempoh satu bulan ini. Kurang dari itu sebenarnya. Ini kerana saya difahamkan selaras dengan mesyuarat kita sebelum ini yang menyarankan agar Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil ini mengadakan mesyuarat dan menyediakan laporan masing-masing. Kalau ada laporan bertulis boleh diedarkan. Kalau tidak ada, ketua jawatankuasa memaklumkan apakah perkara-perkara yang ingin dimasukkan dalam senarai awal untuk pertimbangan Jawatankuasa pada hari ini.

Dengan kata-kata demikian, Parlimen bersidang sampai 7.30 malam. Saya berharap pada hari ini tidak begitu lama dan kita akan cuba juga barangkali tidak berbincang begitu lama mengenai dengan setiap tajuk itu.

Kalau kita sekadar boleh *agree*, katakanlah senarai 'A' adalah senarai yang jangka pendek, senarai B untuk jangka panjang, *then* baru kita *develop fully* dalam bentuk laporan. Minggu hadapan bincang laporan itu oleh pihak Jawatankuasa, Setiausaha dibantu oleh pihak sekretariat masing-masing dan dibantu pengerusi-pengerusi juga. *So*, tujuan kita *by next week is meeting* yang panjang, dalam bentuk sudah ada draf. Dengan itu dijemput pihak SPR, Yang Berbahagia Datuk Wira Haji Wan Ahmad iaitu Timbalan Pengerusi. Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi kirim pesan berada di *outstation* dan minta Timbalan Pengerusi untuk memberi *update* kepada kita mengenai perihal perundangan. Terima kasih.

[Wakil-wakil SPR mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

■1620

Tuan Pengerusi: Baiklah Ahli Yang Berhormat sekalian. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuantuan dan puan-puan sekalian. Bagi bahagian pertama mesyuarat pada hari ini saya jemput Yang Berbahagia Datuk Wira Wan Ahmad, Timbalan Pengerusi SPR juga saya ucapkan selamat datang kepada Setiausaha SPR, Datuk Kamaruddin untuk memberi *update* perjalanan cadangan-cadangan yang sebelum ini khususnya kepada perundangan yang masih di dalam pertimbangan ataupun kerja jadual SPR. Saya ada terima pesan yang saya katakan tadi daripada Tan Sri yang berada di *outstation*. Sila Datuk Wira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi, SPR]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa, Yang Berhormat Dato'-Dato', Ahli Jawatankuasa dan Yang Berhormat anggota-anggota Jawatankuasa Khas Parlimen. Dato'-Dato', Datin-Datin, ketua-ketua jabatan, hadirin yang saya hormati sekalian. Pertama sekali seperti mana yang Yang Berhormat Tuan Pengerusi maklumkan tadi saya sampaikan salam Pengerusi SPR yang sekarang berada di Sabah yang tidak dapat bersama dengan kita pada hari ini.

Seterusnya saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada pihak jawatankuasa yang telah menjemput SPR memberi maklum balas dan berkongsi apa-apa perkara yang telah kita lakukan. Penyelidikan kita dalam beberapa perkara yang telah di minta oleh pihak jawatankuasa untuk kita maklum balas kepada pihak jawatankuasa pada hari ini.

Jadi secara ringkas apa yang saya hendak tumpu dahulu perkara yang telah kita siap sedia sekarang iaitu pertama sekali tentang penggunaan dakwat kekal dalam PRU-13 iaitu seperti mana yang telah pun dilaporkan melalui kenyataan-kenyataan media dan sebagainya. SPR sekarang ini telah bersedia dan kita telah walaupun bila-bila masa Parlimen dibubarkan dari segi penggunaan dakwat kekal untuk PRU-13 SPR telah pun bersedia. Bersedia bukan sahaja dari segi tatacara penggunaan. Bersedia dari segi menyediakan untuk menyediakan program taklimat kepada semua petugas-petugas kita yang terlibat dalam penggunaan dakwat kekal.

Juga bersedia untuk menjalankan promosi iaitu majlis aktiviti penerangan ke seluruh negara supaya rakyat selaku pengundi sedar dan ketahui cara penggunaan dakwat kekal dan tanggungjawab mereka untuk membenarkan petugas SPR di setiap tempat mengundi untuk mencalit dakwat itu di jari mereka.

Jadi semua itu, *in short* apa yang hendak saya maklumkan di sini Yang Berhormat Tuan Pengerusi berhubung dengan pengesahan penggunaan dakwat kekal untuk PRU-13, kita telah pun bersiap sedia bukan sahaja dari segi penyediaan laporan ataupun dokumen latihan dokumen tatacara perundangan tapi juga penyediaan dakwat itu juga.

Akan tetapi walau bagaimanapun untuk latihan nanti kita tidak akan menggunakan dakwatnya yang sebenar kerana kita telah pun bersetuju dengan pihak *supplier* iaitu kita hanya memberi arahan untuk menyediakan dakwat di saat-saat yang akhir dan mereka telah pun memberi jaminan iaitu kalau kita memberi tempoh yang secukupnya kepada mereka, tempoh itu tidak lama sebenarnya maka mereka boleh menyediakan dakwat mengikut spesifikasi yang hendak kita, yang sudah kita ditetapkan itu.

Untuk mengelakkan sebarang kerumitan ataupun keadaan yang tidak diduga timbul, kita juga merancang ataupun telah pun mengatur tindakan iaitu kita telah menyediakan botolnya, botol dakwat itu dengan alat mencalitnya telah disediakan kerana tinggal masanya hanya menyediakan dakwat mengikut spesifikasi *silver nitrate* dan warna yang kita putuskan sahaja. Jadi tidak timbul persoalan nanti *supply* tidak datang mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan sebagainya. *Insya-Allah* perkara itu tidak akan berlaku. Seperti mana yang kita sedia maklum, perundangan berkaitan dengannya pun telah pun diwartakan dan dikuatkuasakan kan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Ada soalan ya, Datuk.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sila.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu botol itu dianggarkan berapa jari yang kita boleh calit. Tidak, ini yang kita kena tahu sebab *it is very important* dari segi *practicality* nya itu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, di kebanyakan kita menggunakan botol itu yang tidak kecil tetapi saya rasa kalau daripada perbincangan kita dengan pihak *supplier* dapat digunakan untuk 100 kali calit. Jadi setiap tempat mengundi kita akan sediakan jumlah botol yang secukupnya. Jadi setiap tempat mengundi kita ada 700 pengundi mengikut daftar pemilih. Jadi katakanlah kalau 80% hadir pada hari pengundian, jadi kita bercakap mungkin lebih kurang dalam 500 pengundi ataupun 550 pengundi. Jadi kita dalam satu saluran kita sudah tetapkan seperti mana Yang Berhormat sedia maklum 700 nama dalam setiap saluran maksimum dia...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi saluran pertama 750 lah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Except* saluran pertama. Jadi kita bercakap maksimumnya 700. Jadi untuk maksimum 700, kalau satu botol kita anggarkan 100 jari maka kita fahamlah berapa banyak jumlah SPR sediakan untuk satu saluran.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Pengerusi, satu soalan pada Datuk Wira. Berkenaan dengan tatacara dan taklimat kepada petugas. Saya difahamkan tadi seperti yang dikatakan tadi, itu telah mula dirancang dan dilaksanakan.

Apa pula perancangan SPR untuk memberikan taklimat pada wakil-wakil parti kerana saya rasa itu pun penting kepada agen-agen kita sendiri, setiap partilah tidak kira mana. Juga adakah tatacara itu akan dijadikan sebagai satu buku panduan kepada semua parti? Adakah perancangan tersebut dilaksanakan?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Memang itu dalam perancangan SPR. Macam saya sebut tadi SPR sedang merangka program untuk hendak menjelajah seluruh negara, memberi taklimat kepada parti-parti politik iaitu terserah kepada parti untuk menghantar siapa apabila surat panggilan mesyuarat, untuk kita beri taklimat kepada parti nanti.

Di waktu yang sama, SPR juga akan menggunakan media masa untuk memberi hebahan kepada orang ramai teknik jari mana dan sebagainya supaya seperti mana yang kita pelajari daripada negara-negara yang menggunakan dakwat kekal, mereka ini mengadakan promosi ini iaitu memberi maklumat yang betul kepada rakyat supaya tidak timbul keadaan di mana kekecohan berlaku di tempat mengundi. Itu kita dalam perancangan kita Yang Berhormat dan kepada taklimat ceramah kepada parti-parti politik bukan sahaja untuk penggunaan dakwat kekal tetapi juga untuk menjemput wakil-wakil parti ke dalam taklimat penguatkuasaan kempen pilihan raya dalam perancangan SPR sekarang ini. Ini boleh dilakukan boleh dikatakan serentak dalam masa tiga minggu itu kita boleh laksanakan perkara ini serentak di seluruh negara. Taklimat kepada pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya yang mana wakil-wakil calon juga akan terlibat.

Jadi oleh kerana wakil calon belum lagi diketahui sebab penamaan calon belum berlaku, jadi parti-parti politik diminta menghantar sama ada Pengarah Pilihan Raya ataupun pegawai kanan dalam parti supaya dia dapat menyampaikan taklimat SPR itu dengan dokumennya kepada pihak bawahan yang akan dilantik sebagai wakil-wakil calon dalam pasukan penguat kuasa kempen nanti. Jadi Yang Berhormat memang SPR ada dalam rangka program kita menghadapi PRU-13 ini.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kesediaan SPR ini tadi sudah kira kalau hendak buat bila-bila pun boleh lah ya. Jadi kalau berlaku pilihan raya kecil minggu depan kah atau boleh, boleh buat ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Pilihan raya kecil?

Tuan Loke Siew Fook: Pilihan raya kecil mana ada.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sarawak?

Tuan Pengerusi: Pilihan raya induk.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sarawak?

Tuan Pengerusi: Eh, ada orang akan...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Katalah ada pilihan raya kecil di Sarawak, akan buat juga ya?

Tuan Pengerusi: Ada orang hendak pergikah?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak, mungkin dia hendak letak jawatan. Hendak belajar lagi kah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau pergilah.

Tuan Pengerusi: Okey *only* pilihan raya induk. Okey mencadangkan. Okey, Datuk Wira selain dari itu apa lagi penambahbaikan dalam proses.

■1630

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dakwat dan seterusnya. Perundangan sudah selesai.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sudah selesai.

Tuan Pengerusi: Hanya untuk disedia untuk digunakan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya.

Tuan Pengerusi: Taklimat juga kepada parti-parti sedang berjalan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Soal dakwat...

Tuan Pengerusi: Taklimat?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Taklimat kepada parti politik belum. Akan tetapi taklimat kepada petugas SPR kita telah mulakan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita telah mulakan.

Tuan Pengerusi: *So*, kalau begitu ada beberapa bulan lagilah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya. Jadi, kalau menjawab Yang Berhormat Kuala Krai, memanglah kalau untuk PRK tidak ada masalahlah. Apa yang kita risau ini PRU. Akan tetapi sebab benda itu telah diwartakan dan dakwat boleh disediakan dalam tempoh masa yang terdekat, botol dakwat pun telah disediakan.

Tuan Pengerusi: Botol kosong?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Botol ini kosonglah. Botol kosong Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Tinggal isi lagi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak boleh. Kita takut nanti pengeluar memberi alasan botol tidak sempat hendak buat. Jadi, kita siapkan botol dahulu, siapkan botol datang dengan pencalitnya sekali. Jadi, benda itu telah siap. *So*, apabila kita dapat, kita bagi *green light* kepada dia, sudah diberitahu jangan lewat pada sekian tempoh. Jadi, *insya-Allah* tidak ada masalahlah. Saya rasa urusan dakwat sudah selesai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita dahulu ada bincang tentang warnanya. Kita putuskan untuk pengundi awal warna yang lain, pengundi hari pilihan raya lain. Jadi, dalam latihan itu, agen kita pun akan diberitahu bahawa ada dua warna, kalau datang itu ada dua warna ini kena tolaklah ya? Jadi, warna tidak disebut sampai dekat pilihan rayalah esok, ya tidak?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ketua tempat mengundi, pada petang sebelum hari pengundian, dia akan datang kepada pejabat pegawai pengurus untuk hendak mengutip, untuk hendak mendapatkan semua peralatan pilihan raya. Jadi, pada petang itulah pasukan pengundiannya dapat melihat dakwat yang sebenarnya. Itu pun di dalam satu bungkusan di mana ia akan dibuka pada pagi apabila dia pergi ke pusat mengundi masing-masing.

Jadi, dari segi dua warna itu sebenarnya, kita ada undi awal. Undi awal kita, kita telah berbincang dengan pihak angkatan tentera dan pihak polis. Jaraknya mungkin antara empat hari, dua hari sebelum hari mengundi biasa. Ini bergantung kepada jumlah ramai kecilnya kawasan pengundian awal. Sebagai contoh Setiawangsa misalnya, di kem tentera dekat Wangsa Maju itu pengundi mungkin dalam 8,000 misalnya. Jadi, tentulah kita akan pecahkan beberapa hari.

Sebagaimana yang telah kita maklumkan pada Jawatankuasa dahulu, apabila pengundian hari pertama ditutup, undian awal ini. Peti undi akan ditutup, *disealkan* di hadapan wakil-wakil parti dan akan dibawa oleh Pengarah SPR atau pegawai pengurus kita ataupun *assistant* pegawai pengurus yang bertanggungjawab tentang undi awal ini. Simpan di tempat yang selamat. Jadi, ada pihak yang mencadangkan untuk simpan di lokap polis dan sebagainya.

Akan tetapi kita menjangka tempat yang paling kita yakin adalah di bilik kebal ataupun Bilik Gerakan Pegawai Pengurus di mana di situ nanti pegawai polis akan menjaga 24 jam di situ. Ada permintaan daripada parti politik, boleh tidak untuk menghantar wakil dia tidur bersama-sama polis di luar bilik itu. Untuk satu orang tidak ada masalah, tidak ada masalah seperti mana yang kita benarkan di PRK di Port Dickson dulu Yang Berhormat.

Jadi pengundian awal Tuan Pengerusi, SPR juga telah bersedia dan kita telah berbincang dengan pihak tentera dan pihak polis. Segala tempat pusat pengundian awal kita telah pun kenal pasti kerana kita perlu wartakan. Pasukan pengundian iaitu yang telah dilantik oleh SPR tidak lagi mereka yang berpakaian uniform dan sebagainya, telah pun kita kenal pasti dan kita akan lantik pada bila-bila masa. Jadi, tentang perkara kedua iaitu urusan undi awal, memanglah SPR telah bersedia.

Seperti mana itu, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi juga iaitu memang tetap ada mereka yang memohon untuk mengundi pos kerana ada anggota yang memang tidak dapat hadir pada hari pengundian awal. Perkara lain sebagaimana yang diminta, yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, perkara-perkara yang melibatkan pemansuhan tempoh bantahan, pembetulan susun atur dalam pusat mengundi itu, beberapa perkara kita telah pun setuju dan kita akan laksanakan.

Di samping itu, isu yang paling besar saya perhatikan iaitu pembersihan daftar pemilih, iaitu juga seperti mana Tuan Pengerusi sedia maklum, sama dengan berbagai pihak termasuk pihak MIMOS baru-baru ini. Kita telah berusaha untuk menyediakan satu daftar pemilih yang sebaik mungkin, bersihlah untuk tujuan pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Hari ini nanti kami bincangkan laporan daripada Jawatankuasa. Bagaimana dengan cadangan memasukkan *journalist* itu sebagai satu daripada yang boleh mengundi awal atau mengundi pos. Undi pos, undi pos.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: SPR telah mengkaji perkara ini dan *of course*, apabila kita buat kajian timbul dua *option* yang ada pada SPR iaitu satu *option* wartawan undi awal. Akan tetapi apabila kita kaji mendalam, kita dapati amat sukar dilaksanakan. Disebabkan kerana sistem pilihan raya kita di mana rakyat mendaftar di pelbagai bahagian pilihan raya. Sukar kita untuk hendak membuka satu pusat mengundi awal di mana melibatkan beberapa peti undi di situ. Jadi atas itu, SPR telah bersetuju iaitu untuk membenarkan pengundi wartawan ini, apa yang kita panggil petugas media.

Tuan Pengerusi: Petugas media, ya petugas media.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sebab wartawan *alone* terlalu tidak praktikallah sebab setiap petugas media diiringi dengan krew, juru kamera dan sebagainya. Jadi, untuk wartawan ini, kita telah membuat keputusan mereka kita benarkan untuk mengundi pos akan tetapi mereka perlu memohon. Permohonan itu perlu sampai kepada pegawai pengurus pilihan raya kawasan di mana dia mendaftar selepas hari penamaan calon.

Selepas hari penamaan calon barulah kita tahu kawasan itu bertanding ataupun tidak dan barulah permohonan itu sampai kepada pejabat pegawai pengurus dan kelulusannya dalam masa beberapa jam sahaja. Tidak ada masalah. Akan tetapi borang untuk memohon pengundian awal ini, *sorry*, undian pos ini oleh wartawan, kita akan *download* di dalam sistem untuk mana-mana majikan media ini untuk mengagihkan kepada petugas media yang telah mereka arahkan bertugas di seluruh negara. Jadi, tidak timbul soal pentadbiran di mana tidak cukup borang, borang lewat dan sebagainya. Jadi, kita harap petugas majikan bagi pihak media dapat kenal pasti daripada awal. Sebaik sahaja Parlimen dibubarkan ataupun sebelum Parlimen dibubarkan, mereka sudah kenal pasti berapa ramai petugas media yang akan bertugas di luar kawasan yang terpaksa meninggalkan tempat dia mendaftar itu.

Jadi, kita bertemu dengan pihak media baru-baru ini dan keputusan ini Tuan Pengerusi, adalah satu keputusan yang mereka sambut baiklah. Petugas media begitu gembira mereka dapat, setengah mereka tidak pernah pun dapat mengundi dalam PRU. Jadi, dia kata ini pertama kalinya kita...

Tuan Pengerusi: Perubahan peraturan sudah diangkat?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ia melibatkan di bawah Peraturan 3 (i)(a). Itu sudah...

Tuan Pengerusi: Undi pos. Masukkan dalam kategorikan atau belum dimasukkan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya rasa ini cadangan SPR. Kita belum ada buat apa-apa. Keputusan kita hendak mencadangkan dahulu beberapa bidang tugas dibenarkan untuk mengundi awal kerana pada hari- yang dipentingkan bukan bertugas sepanjang tempoh kempen. Apa yang kita bincangkan pada hari mengundi. Kalau begitu alasannya kerana mereka bertugas pada hari mengundi, maka kita minta mereka kalau boleh mengundi sebelum hari mengundi. Macam juga tentera.

Kenapa kita minta mereka mengundi awal? Ini kerana mereka akan bertugas pada hari mengundi. Akan tetapi kalau alasan daripada media mereka bertugas sepanjang tempoh kempen, saya rasa ramai orang terlibat bertugas terutama petugas-petugas parti. Tahun ini ramai yang terlibat pada sepanjang kempen.

■1640

Tuan Pengerusi: Bertugas pada hari pengundian.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Hari mengundi sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, memanglah itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sebab itu tidak timbul soal undi pos kerana kita hendak mereka mengundi awal supaya pada hari mengundi, mereka boleh buat *coverage*. Akan tetapi nampaknya hujahnya sekarang oleh kerana mereka bertugas sepanjang kempen – semalam kita ada bincang dengan jawatankuasa kecil kita – maka sebab itu kita hendak mereka mengundi pos sebab mereka tidak boleh balik ke tempat.

Seorang Ahli: Undi poslah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, SPR kata kerana itu undi pos. Kita hendak mereka mengundi awal, mengikuti semua sistem calit-calit dia ya sebab mengundi pos takkan ada calit dakwat ini. Jadi, itu sudah meramaikan lagi pengundi pos yang kita bincangkan dahulu. Jadi, saya rasa mereka yang hendak mengundi awal – wartawan kena mengundi awal. Balik ke tempat mereka mendaftar. Ini majikan kena bagi *leave* lah untuk sehari itu mereka mengundi.

Masalah hendak membuka tempat mengundi di mana-mana tempat dalam Parlimen, saya rasa kalau ikut dalam daftar pemilih kita, tidak ada Parlimen yang tidak ada undi pos.

Sekarang, buat masa ini. Rasanya ada belaka. Tidak ramai pun, sepuluh orang. Tidak ramai pun 100 orang. Jadi, kalau ikut teori kita sekarang ini, semua ini akan dibenarkan mengundi tiga, empat hari awal. Jadi, mereka kena *join* lah di tempat mengundi awal yang kita buka untuk tentera pada hari ini. Tidak timbul masalah logistik kita terpaksa membuka pula satu – ada 222 Parlimen, mungkin *the press come from any of this 222 Parliament because almost all the Parliament* ada pengundi pos. Sekarang ini, *currently*.

Tuan Pengerusi: *Just to put in context* dahulu. Waktu kita bincang ini, kita telah – dua kategori yang memohon. Satu, wartawan ataupun petugas media dan kedua, *doctors* dan *nurses*. Dalam masa kita mesyuarat itu, pihak SPR katakan bahawa – dan dua opsyen – pos ataupun undi awal dan mereka katakan, satu, telah berbincang dengan MMA, Ketua Pengarah Kesihatan bahawa kumpulan di situ itu tidak banyak dan boleh di *rationalize* kan untuk diberi hari itu untuk pergi membuang undi. Ya, ya. *So, then we left with* satu wartawan dan jawatankuasa pada waktu itu kita telah minta pihak SPR untuk meneliti bolehkah satu, undi awal dan kedua sebagai undi pos. Alasan, *no* – penjelasan pada waktu itu bahawa kalau undi awal, terlampau *messy* untuk satu dan balik satu daerah. Dia dua orang wartawan sahaja untuk diatur untuk undi awal. Jadi, lepas itu memang ada syor kita bahawa *consider then* undi pos begitu. Dua mesyuarat yang lalu.

So, tetapi kalau pandangan di situ – sebab satu mereka ini jauh. Makna balik pergi Alor Star *just to vote* awal dan dia berkata orang di situ *I think* tidak begitu praktikal juga.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Undi awal bagi tentera dan polis. Mereka mendaftar mengikut tempat bekerja – kem. Jadi, kita kumpulkan dia satu tempat, di situlah tempat dia mendaftar. Kalau kem itu dekat PD, maka di situlah dia mendaftar. Akan tetapi wartawan ataupun petugas media, walaupun dia duduk di Kuala Lumpur, dia mungkin mengundi di pelbagai tempat mendaftar, yang dia mendaftar. Jadi, kalau kita buka dia undi awal, bayangkan berapa banyak kawasan pendaftaran wartawan ini. Tempat dia mendaftar. Jadi, misal kata dia orang Kedah. Sepatutnya mengundi di Kedah tetapi *sorry* – dia orang KL. Dia sepatutnya mengundi di Gombak ya tetapi disebabkan kerana dia ditugaskan di Kelantan, sebelum penamaan calon lagi dia telah dihantar ke Kelantan. Selalunya begitulah.

Media - baru ini kita dapat *feedback* Yang Berhormat daripada pihak media sendiri. Editor media yang datang berjumpa dengan SPR. Ini maklumat yang kita dapat. Jadi, dia kata keputusan menghantar pasukan petugas media ini, bukan dibuat sebelum hari mengundi. Tidak. Apabila Parlimen dibubarkan mereka telah pun kenal pasti pasukan mana yang pergi ke sini, pasukan mana yang pergi ke situ. Jadi, apabila petugas media itu pergi buat *coverage* pilihan raya, dia pergi beberapa hari sebelum penamaan calon lagi terus sepanjang tempoh masa berkempen.

Jadi, kalau begitu maka kalau kita hendak buat dia undi awal, kita hendak buat dia undi awal, hendak suruh dia balikkah?

Tuan Pengerusi: Yalah. Suruh dia balik walaupun satu orang. Susah juga.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Perkara ini sudah berlaku, memang dia tidak balik. Jadi kalau kita hendak memberi hak mengundi pada dia, SPR sudah kaji dari pelbagai sudut, kalau kita pentingkan hak mengundi petugas media, tidak ada cara yang paling berkesan dan praktikal adalah kita kena percaya undi pos.

Tuan Pengerusi: Memang perlu *apply* lah. Ya, Rasah, Rasah. Kemudian Hulu Selangor.

Tuan Loke Siew Fook: Okey, terima kasih. Pertamanya, selain petugas media, petugas SPR pada hari mengundi yang dikatakan seluruh negara mungkin ratusan ribu, 200,000 - 300,000. Mereka ini selama ini pun ada dibenarkan menjadi pengundi pos sebelum ini. Jadi, apakah perubahan untuk PRU Ke-13 ini. Sama ada mereka tetap menjadi pengundi pos seperti petugas media ataupun diberikan *advance voting*. Itu yang pertama.

Keduanya, tadi kata pengundi pos, undian pos untuk petugas media. Tadi Datuk Wira kata pada hari penamaan calon, mereka kena pohon daripada Pengerusi Pilihan Raya. Adakah mereka kena datang sendiri? Itu yang pertama. Kedua, apabila undi pos itu dikeluarkan, sama ada undi pos itu akan dihantar kepada mereka melalui pos kepada alamat yang mereka letakkan ataupun mereka kena datang mengambil untuk undi pos itu dan selepas mereka pangkah undi, bagaimana mereka hantar balik kepada undi pos itu. Sebab undi pos dalam konteks sebelum ini, mereka senang. Mereka akan hantar ke kem itu. Kem itu mungkin kolonel, mungkin leftenan akan bagi undi pos itu kepada setiap anggota tentera dan letakkan satu karung di sana untuk mereka – karung untuk mereka letakkan undi pos itu.

Akan tetapi untuk petugas media yang mungkin dia punya *number* akan berselerak. Jadi, bagaimana ada satu pusat untuk kita keluarkan undi itu dan selepas mereka undi, bagaimana mereka hantar balik. *So*, itu saya rasa perlu diperjelaskan lagi.

Tuan Pengerusi: Sila Datuk Wira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan menyediakan satu sekretariat khas untuk pengurusan pengundian media di ibu pejabat di Putrajaya. Akan tetapi permohonan untuk dia memohon sebagai pengundi pos, borang permohonan itu kena pergi kepada RO kita. Sebagaimana yang saya katakan tadi, beberapa jam selepas borang itu diterima dengan dokumen pengesahan daripada majikan dan sebagainya, sah dia bertugas di luar kawasan dan kita semak dia memang betul dia ini bertugas dan alamatnya betul maka dia disahkan untuk kita keluarkan daripada RO yang berkenaan, daripada senarai pengundian awam itu, namanya di situ, kita akan potong di situ dan kita akan...

Tuan Pengerusi: Keluarkan. [*Menyampuk*]

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan *sort out* dia punya undi pos untuk dia sebab apabila penamaan calon sudah diumumkan, diselesaikan maka pada malam itu juga, kertas undi akan dicetak. Jadi, *priority* utama SPR adalah mengagihkan, *sort out* undi pos ini. Kalau yang tentera, tenteralah. Polis, polislah.

Jadi, *now* kita masuk kategori petugas media pula. Ini yang kata sekretariat kita, ibu pejabat ini menerima kertas undi itu daripada PNMB ataupun daripada mana-nama tempat yang kita mencadangkan. Itu yang ada satu *centralized* dan inilah yang kita akan bekerja untuk hendak menghantar kepada alamat yang diisytiharkan oleh petugas media itulah. Masa dia buat permohonan itu, inilah alamat tempat dia nakkan dia punya kertas undi di hantar. Dia akan isytiharkan itu.

Tuan Pengerusi: Kita hantar melalui pos atau dia pergi...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan menjadi dua cara Tuan Pengerusi. Pertama, kalau dia hendak datang...

Tuan Pengerusi: *All the way to KL?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia hendak tutup...

Tuan Pengerusi: Jika dari KK memang tidak bolehlah. *So*, memang dia barangkali untuk dikirim, bukannya.

■1650

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita boleh hantar sebab apa, daripada tempoh penamaan calon, hingga ke – kertas undi untuk pos yang pertama sekali kita cetak, hari kedua itu tidak ada proses bantahan dan tidak ada proses menarik diri, maka *the first day* itu dah cetak dah. Keesokannya kita dah boleh kumpulkan yang mana untuk tentera, yang mana untuk yang lain. Jadi, kita memang cukup masa untuk hendak mengagihkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah, *are you satisfied?*

Tuan Loke Siew Fook: Soalan pertama saya ialah, adakah mereka kena datang sendiri ke pejabat RO, pejabat Pengurus Pilihan Raya di setiap kawasan itu untuk menghantar borang tersebut? Atau dia terus hantar kepada Putrajaya sahaja?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya rasa supaya tidak keliru dalam perkara ini, ini *administrative* Yang Berhormat ya? Supaya di mana petugas media itu berada, sebab apa?... SPR ini kita *link up* merata-rata pegawai ada.

Tuan Loke Siew Fook: *I know, that is why.* Adakah pemohon itu kena datang sendiri?

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *No*, itu tidak semestinya. Kalau kita mewajibkan orang itu menghantarnya sendiri, maknanya kita menyusahkan orang.

Tuan Loke Siew Fook: Okey, *the other thing* ialah, selepas mereka pangkah undi. Bagaimana mereka hantar pulang?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak, itu hak dia. *Once* dia dah dapat *envelope* kertas undi dengan Borang 2 sekali gus, maka itu dah menjadi hak dia. Dia hendak menghantar sendiri ke – *because*, *envelope* yang di luar itu ialah alamat RO dan alamat Pegawai Pengurus dia dah dicetak di *envelope* yang paling besar di luar itu, *envelope* keutamaan itu masuk di dalam *envelope* itu. Jadi, *envelope* yang mengandungi kertas undi itu, *diattach* pula dengan Borang 2, borang saksi. *Anybody can become his* saksi, *his own friend* ke atau sesiapa sahaja boleh. Dia masuk dalam *envelope*, *envelope* itu *postage free*, kalau dia percaya kita akan bincang dengan Pos Malaysia bagi *priority* kepada penghantaran *envelope* pilihan raya ini Yang Berhormat. Seperti mana yang lepas-lepas, dia tidak perlu letak setem, dia masuk sahaja di mana-mana peti, *priority* oleh pejabat pos untuk menghantar kepada RO yang mana dah tercatat alamatnya di situ.

Akan tetapi kalau dia tidak percaya, dia hendak cepatkan lagi, dia kena cari *his own way* pun tidak mengapa. Asalkan pergi kepada pejabat RO di mana dia berdaftar mengikut alamat di *envelope* dan sampai sebelum jam 5 petang.

Tuan Loke Siew Fook: Ada sikit lagi, bilakah kita boleh tahu yang bilangan terakhir petugas media. *I mean, by right* kita boleh tahu lebih awal sebab *to tag* apa berita yang dikeluarkan oleh KDN. Kita tahu ada berapa ramai pemberita ataupun petugas media di seluruh negara. Jadi *at least*, kita kena ada satu idea berapa jumlahnya, kalau betul undi ini akan dikeluarkan. Berapa jumlahnya dan tadi juga ada petugas untuk SPR belum Datuk jelaskan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, ya. Petugas media kita dah senaraikan semua agensi media, kita dapat lebih kurang dalam 30 agensi media. Media elektronik, media cetak dan sebagainya yang berhak untuk mengundi. Jadi, jumlah kita hanya tahu apabila majikan– sekarang ini kita tidak tahu Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: SPR tidak tahu berapa petugas media yang akan memohon untuk mengundi pos. Mungkin ada petugas media yang tidak mahu mengundi pos. Dia kata baik dia balik sekejap untuk mengundi di tempat dia.

Tuan Pengerusi: Kita buka itu hanya *option* sahaja.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita *option* sebenarnya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *At least*, yang tidak boleh itu tapi dia rasa mahu mengundi, *we open the taplah*, tidak banyakkah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Masa kita berbincang dengan editor media lebih kurang tiga minggu yang lepas, kalau dah petugas media itu dah diarahkan oleh majikan dia bertugas di Seremban misalnya. Dia tinggal di Kuala Lumpur, dia mendaftar di Shah Alam misalnya, takkanlah tidak boleh tinggal sekejap, satu jam setengah untuk balik mengundi di Shah Alam? *So*, petugas media boleh mengundi melalui pos ini adalah satu opsyen supaya hak dia untuk mengundi dapat. Bukan dia diwajibkan sebab petugas media, tidak.

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Petugas SPR?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Petugas SPR. Kita *priority* petugas kita, kita akan melantik mereka yang duduk mengundi di tempat dia mendaftar. Sebab itu kalau dia mendaftar di pusat mengundi yang berkenaan ataupun dalam DUN, kita melantik guru-guru kita ini dan siapa petugas dalam kawasan setempat itu supaya dia boleh bertukar sekejap dengan kerani itu, dia pergi keluar mengundi sekejap. Akan tetapi kita menggalakkan petugas kita mengundi pos.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Eh tidak, Petugas SPR tidak mengundi awal Yang Berhormat. Mengundi awal hanyalah polis, tentera dan pasangan sahaja.

Tuan Pengerusi: Dahulu pun begitulah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dahulu macam itulah. Petugas SPR dia datang pada hari kita mengagihkan kertas undi *envelope* itu, berbaris macam itulah.

Tuan Loke Siew Fook: *Sorry*, jadi kalau macam itu, pada hari pengiraan undi, kita akan ada lebih banyak proses lagi. Sebab dahulu petugas SPR dan juga undi pos daripada tentera dan polis akan dikirakan sekali. Jadi, sekarang adakah ia akan dibezakan pengiraan undi untuk pengundian awal di satu pusat dan lagi satu pusat untuk undi pos, adakah begitu?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, begitu Yang Berhormat. Semua kertas undi awal dalam peti yang telah kita *seal* itu, kita simpan di tempat yang selamat dan akan dikira selepas undian ditutup oleh ARO. Untuk pilihan raya kali ini Tuan Pengerusi, kita melantik lebih penolong pegawai mengurus sebab ia melibatkan banyak urusan untuk hendak membantu pegawai pengurus. Jadi, kalau dahulu dalam satu bahagian Parlimen itu, kita lantik pegawai pengurus mengikut jumlah DUN. Satu DUN satu Penolong Pegawai Pengurus. Pegawai Pengurus satu orang sahaja mengikut Parlimen tetapi penolong dia, amalan kita mengikut jumlah DUN di bawah Parlimen. Akan tetapi kali ini kita lipat gandakan. Kita mendapat bajet yang lebih, asalkan pegawai cukup sebab dia melibatkan— hendak membawa peti-peti undi daripada pusat undi awal ini balik simpan di pejabat Bilik Gerakan Pegawai Pengurus. Pada apabila pengundian awal dah ditutup, pengundian biasa dah ditutup pada jam lima petang, maka bermulalah urusan pengiraan undi, maka dialah yang akan bertanggungjawab mengira undi. Jadi, mengira undi untuk pengundian awal.

Kertas undi pos tadi yang akan datang itu juga akan datang kepada satu peti *transparent* yang kita sediakan di bilik gerakan Pegawai Pengurus sebab kertas undi pos ini sama ada datang melalui posmen ataupun datang melalui *by hand*, mesti sampai ke Pegawai Pengurus sebelum jam lima petang. Ia akan masuk di bilik di situ, di situ juga menjadi tanggung jawab ARO kita yang kita lantik nanti, mungkin kita buat khas untuk terima dan buka *envelope*. Jadi, semua keputusan ini akan dimasukkan di dalam borang pengiraan undi yang berasingan.

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tempat mengira? Oh, tidak. Semua di Bilik Gerakan Pegawai Pengurus ataupun satu tempat yang SPR akan tetapkan.

Tuan Pengerusi: Dengan wakil-wakil partilah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu mesti Tuan Pengerusi. Apa yang berlaku di pengundian biasa, itulah yang berlaku kepada pengundian awal. Setiap wakil calon akan diberikan tempoh yang cukup mengikut undang-undang untuk menghantar wakilnya.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang pengundian pos untuk warga media ini merupakan salah satu aspek yang telah dicadangkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Penambahbaikan ini. Saya rasa cadangan yang diberi oleh SPR ini memang menepati kehendak pengamal-pengamal media dan saya rasa kalau boleh kita dapat melaksanakan cadangan yang telah diberi ini kerana saya sendiri pernah berhubung dengan pengamal-pengamal media. Ini merupakan salah satu permohonan mereka kerana mereka ini apabila ditugaskan di satu lokasi yang jauh daripada Lembah Klang, walaupun satu setengah jam ke dua jam, mereka tidak mahu pergi ke lokasi untuk mengundi kerana setiap masa sangat penting untuk mereka *cover story* kerana *for journalist, every minute counts*.

So, saya rasa memberi mereka peluang untuk mengundi secara pos ini merupakan satu keputusan yang baik, saya ucapkan terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya rasa perbincangan daripada awal lagi, isunya undi pos ini diperbincangkan panjang lebar. Kita hendak mengurangkan undi pos dan kita disebut hari itu, kecuali lima batalion tentera yang bertugas di sempadan, yang lainnya semua akan mengundi awal. Jadi, di sini kita akan menambah lebih kurang dalam lima ribu lagi, semalam disebut oleh pegawai SPR, lebih kurang lima ribu pemberita dan wartawan-wartawan.

■1700

Tidak, tidak. Ertinya *possibly* 5,000. Jadi, macam kita membuka balikhlah isu ini. Kita seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor, kita berbincang tetapi tidak memutuskan undi pos. Ini adalah cadangan daripada SPR.

Tuan Pengerusi: Dua opsyen. Satu *advance*, satu apa yang dikatakan *not practical for their advance*. So, dia cadangkan undi pos. Akan tetapi terpulang kepada kita untuk menerima.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya, terpulang kepada kita. Saya ada *reservation* tentang ini kalau ikut mandat daripada parti. Undi pos ini tidak boleh kita hendak kembangkan lagi. Kalau hendak undi awal kita boleh sokong, itu pun dengan beberapa *reservation*. Contohnya pada hari penamaan calon, satu senarai pemilih akan diberikan kepada semua calon dan kita sudah bincang itu. Jangan berubah pada hari mengundi. Jangan ada pula terkeluar pula beberapa nama keluar di antaranya pemberita-pemberita. Ini yang kita tidak hendak, yang jadi kecoh itu yang inilah.

So, whatever list that is given to candidates on that nomination day mesti sama dengan senarai pada hari mengundi. Jadi, kalau mereka berdaftar pula kemudian selepas penamaan calon dan nama ini dikeluarkan pula, saya rasa isu besar dan kita ada *reservation* di sini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi bila katakan kita keluarkan, harus ditanda sahaja bukannya sebab dia telah pohon undi pos.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi, tugas media yang memohon untuk mengundi pos, dia bukan mendaftar. Dia telah pun mendaftar sebagai pengundi awam.

Tuan Pengerusi: Memang, *sure*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Apabila kita terima sahaja borang permohonan dia untuk mengundi pos, sistem kita - kita akan berhati-hati untuk memastikan nama dia di dalam senarai DPI undi awam ini *deleted*. Dia tidak boleh tukar fikiran. Kita sudah beritahu kepada anggota media yang datang bermesyuarat dengan kita, *no change of mind. The moment* dia *submit* borang itu, dia sudah *declare*, dia sudah *sign* semua, *diendorsed* oleh majikan dia yang mengesahkan dia ini memang tidak dapat mengundi pada hari pengundian biasa.

Tuan Pengerusi: *So* bagaimana kita buat itu? Ini kerana seperti yang dikatakan, pada selepas biasanya calon diterima dan taklimat oleh pegawai SPR, *Returning Officer*, kami semua perlu beri daftar pemilih yang digunakan. *So*, waktu itu memang dia punya nama masih sana sebab hari itu baru dia boleh pohon sebagai pengundi pos. *So I think the communication must be very clear* supaya boleh tahu berapa – dari situ *Returning Officer* boleh tahu berapa media yang telah pun dikeluarkan. Kalau tidak, nama sana dia undi pos juga. Itu yang perlu *check*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya nampak Tuan Pengerusi punya poin itu sebab permohonan untuk mengundi pos hanya dibuat selepas penamaan calon.

Tuan Pengerusi: Selepas. Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi SPR melalui sistem komputer kita, kita *make sure once* kita sudah terima borangnya, *the system*, kita *key in system will delete*, tetapi senarai yang *deleted* tadi kita perlu *furnish* kepada partilah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ini kerana undang-undang begitu Tuan Pengerusi iaitu permohonan untuk mengundi pos hanya dibuat selepas penamaan calon.

Tuan Pengerusi: *No*. Akan tetapi, waktu itu daftar pemilih sudah diagih-agihkan kepada calon. *So*, perlu semakan bahawa ada wartawan katalah 20 orang di kawasan saya yang telah meminta undi pos dan nama mereka itu harus dibuka dari senarai yang saya pegang bukannya. *So*, komunikasi dengan pihak *Returning Officer* adalah penting sebab *I do not think we have time to batal, cancel and print* lagi satu sebab ia berbeza dengan yang lagi satu... *[Disampuk]* Bocor, ya.

Tuan Loke Siew Fook: *Dateline* ia bila Datuk Wira Haji Wan Ahmad, *dateline* untuk memohon katakan untuk petugas media?

Tuan Pengerusi: Hari selepas *list* penamaan calon.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Penamaan calon. Borang itu dia boleh *download* bila-bila masa. Sebelum *the moment Parliament dissolve, they can download the form*.

Tuan Loke Siew Fook: *Ya I know, but* kalau dia kata *submit* permohonan itu, adakah *by five o'clock on the same day, nomination day* atau bagaimana?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan *decide on the same day*.

Tuan Loke Siew Fook: *Decide on the same day*. Akan tetapi, untuk mereka memohon bila?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Borang itu perlu sampai kepada Pejabat Pegawai Pengurus dan keputusan kita hanya selepas hari penamaan calon.

Tuan Loke Siew Fook: *So dateline on first day nomination day?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *First day*. Dia *download the form* daripada sistem, dia pun *fill up the form, endorsement* daripada majikannya dan dia *submit* kepada... [Disampuk] *Even before administrative*. Akan tetapi, keputusan dia dapat mengundi kertas undi pos itu hanya selepas penamaan calon. Mungkin kawasan itu tidak ada bertanding dan sebagainya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itu bermakna...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi saya nampak *point* Tuan Pengerusi tadi iaitu tentulah...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Datuk Wira, sebelum Datuk Wira pergi itu, begitu juga dengan petugas-petugas SPR. Sama juga.

Tuan Pengerusi: Selepas penamaan calon.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini kerana *you have* warga media ini membuat permohonan, begitu juga pegawai-pegawai SPR biasalah yang menjadi KTM, yang menjadi pegawai-pegawai, kerani pengundian, dia pun buat permohonan juga...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya betul.

Tuan Pengerusi: Selepas *nomination* sebab baru dia tahu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nama mereka telah pun ada tercetak dalam buku daftar pemilih. So...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, memang betul. Oleh sebab itu dalam DPI kita yang kita agihkan kepada calon pada hari penamaan calon itu, memanglah daftar pemilih itu sudah muktamad. Akan tetapi mengambil kira petugas SPR, sebab itu RO sahaja yang dapat meluluskan permohonan untuk pengundi pos. Ini kerana RO itu akan potong nama dia...

Tuan Pengerusi: Dari senarai dia.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dari senarai dia itu. Akan dipotong dari senarai dia, jadi senarai itulah akan dipotong pada KTM punya senarai di tempat mengundi masing-masing.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Tidak potong lagi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu yang saya nampak yang...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:Ini yang kecohnya sebab pengundi awal, pengundi pos ini tidak ada dakwat. Pengundi pos, hendak dakwat bagaimana? Siapa hendak beri dakwat dia. Tidak ada, pengundi pos tidak ada dakwat. Jadi, hari itu dia datang balik *clear*, nama saya ada. *Polling agent* kata ada nama dia, tetapi KTM kata tidak ada. Kecoh Datuk.

Tuan Pengerusi: Sewaktu dia memohon itu dan *dicancel* nama dia, harus ada senarai yang dibekalkan kepada semua parti dan agen.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan buat begitulah sebab Yang Berhormat sedia maklum ya, kita selama ini kita *handle* dengan petugas SPR. Banyak petugas SPR yang mengundi pada hari mengundi. Seperti yang saya ceritakan tadi, prioriti petugas ini kita lantik orang yang dalam kawasan, jadi dapat tinggal sejam pergi mengundi. Akan tetapi, kalau di Sabah dan Sarawak itu ramai petugas kita yang suka mengundi pos. Jadi kes sekarang ini, pertama kali dalam sejarah kita hendak membuka mengundi pos ini kepada media. Jadi apa yang kita lihat, undang-undang yang sedia ada perlu memohon kepada Pegawai Pengurus dan Pegawai Pengurus akan membuat keputusan pada hari yang sama. Ini kerana permohonan sudah sampai *administratively* sebelum itu lagi. Akan tetapi persoalan yang timbul Yang Berhormat katakan tadi, senarai daftar pemilih yang digunakan oleh agen mungkin tidak tertanda seperti mana yang di tanda oleh SPR *on confirmation of* petugas media itu telah diberi status pengundi pos. Ini satu benda yang perlu dilihat...

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apakah kaedah memberikan laluan kepada warga media mengundi undi pos ini akan dilaksanakan?

Tuan Pengerusi: Apa?

Tuan Mohamed Azmin Ali: PSC belum putuskan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. Ini cadangan sebab dia ada mesyuarat dahulu, kita akan bentangkan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *No. Base on what I listening now to Timbalan Pengerusi, beliau mengesahkan akan dilaksanakan. We are sitting here and claiming that we are discussing this issue but SPR is confirming that they will implement it.*

Tuan Pengerusi: *Because...*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Akan tetapi dalam *discuss...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Let me put it like this.* Yang Berhormat dengar. Diputuskan oleh Jawatankuasa tiga kategori iaitu wartawan, doktor dan *nurses*.

Kita berjumpa dengan pihak doktor *and nurses*, mereka tidak berminat. Sekarang ini wartawan yang berminat. Akan tetapi apabila kita berjumpa dengan mereka, dia kata bukan wartawan sahaja. Wartawan sentiasa didampingi oleh petugas-petugas lain, *camera crew* dan sebagainya. Maka kita tukar istilah pegawai media. Jadi, kita sekarang ini menjawab syor yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa. Undi awal untuk petugas media, SPR tidak boleh dilaksanakan sebab terlalu kompleks, meremehkan. Jadi, ruang yang tinggal adalah mengundi pos.

Jadi apabila mengundi pos, saya ditanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bagaimana proses wartawan ini hendak undi pos. Saya *explain* perancangan yang SPR sudah putuskan di peringkat SPR.

■1710

Kalau hari ini Tuan Pengerusi, Jawatankuasa mengubah fikiran misalnya, bagi SPR tidak ada masalah. Kita cuma hendak memberi ruang kepada petugas-petugas media supaya dapat mengundi Yang Berhormat. Kalau kita...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, sebab itu bila ada setelah berjumpa dengan kumpulan media, perubahan, ada maklum balas yang diterima dan merasakan agak kompleks untuk meneruskan cadangan undi awal. Sepatutnya kembali semula ke sini untuk kita bincangkan dan tidak membuat kenyataan rasmi bahawa benda ini akan, sebab ia akan timbul banyak kekeliruan di bawah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat Gombak, memang ada lapor dua mesyuarat dulu. Bagaimana Pengerusi kata *not practical* untuk *nurses and doctors. Numbers are not many...*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey.

Tuan Pengerusi: *So, tinggal lagi journalist waktu itu.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, *then we...*

Tuan Pengerusi: *So, kita bilang, explore how we can implement.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *That is why* hari ini kita bincang. Kita juga melihat ada juga masalah-masalah yang timbul termasuk pandangan Yang Berhormat Kuala Krai tadi. Jadi, biar benda itu berlegar dulu dalam perbincangan sebelum keputusan diambil. Saya kurang selesa ini kalau kenyataan telah dibuat, akan dilaksanakan, lepas itu kita hendak bincang di sini buat apa? Tujuan kita bincang ini sebab melihat apakah kaedah ini menjamin ketelusan, keadilan kepada warga media. Akan tetapi kalau kita tengok tadi pun ada pandangan-pandangan yang akan menimbulkan keraguan. Jadi, sebab itu kita minta jangan dibuat kenyataan sehingga Jawatankuasa ini memberikan cadangan.

Jawatankuasa ini pun sebenarnya tidak ada kuasa untuk mendesak SPR sebab cadangan ini kita akan bawa ke Parlimen untuk perbahasan. Parlimen yang akan memberikan keputusan untuk mekanisme apa yang akan dilaksanakan dalam proses pembaharuan. Jadi, kita kena *respect the due process* dalam perkara ini. Ini yang saya hendak bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Ya, barangkali konteksnya sahaja sebab kita memang kita ada minta pihak SPR kaji kalau mahu laksanakan, bagaimana mekanisme. Begitulah itu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, *to be fair to my Chairman* yang telah mengeluarkan kenyataan itu selepas kita mengadakan mesyuarat dengan pihak media. Kita jemput editor-editor media datang ke SPR dan pada petang itu juga Pengerusi SPR mengeluarkan kenyataan ini. Saya rasa itu Yang Berhormat *refer* kan.

Waktu itu keputusan SPR, Pengerusi SPR memberitahu kepada media sebab kita memberi taklimat perbincangan dengan anggota media. Bayangkan Yang Berhormat, tentulah media hendak tahu, mereka hendak membuat laporan. Jadi, Pengerusi SPR membuat kenyataan bagi pihak SPR, kita boleh melaksanakan undi pos untuk media sahaja, untuk media. Akan tetapi tidak boleh buat undi awal. Jadi, saya rasa kalau kita hendak *interpret*kan kenyataan Pengerusi SPR itu yang SPR bersetuju untuk membenarkan petugas media mengundi pos, saya rasa itu *please read that as a* keputusan SPR. Keputusan SPR.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Jadi kalau Datuk Timbalan Pengerusi, kalau sayalah, saya akan membuat kenyataan, "Kita telah mengadakan perbincangan media, pandangan mereka kita ambil maklum, SPR tidak ada masalah. Namun, kami akan bawa perkara ini dalam Jawatankuasa Pilihan Khas untuk dibincang dan dipertimbangkan". Kalau saya.

Tuan Pengerusi: *Well.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, *that is actually the spirit of it.* Akan tetapi tidak apa, perkara ini mahu teruskan atau tidak, saya mahu serah balik dahulu ini kepada parti masing-masing dan kumpulan. *We can decide it later today* ataupun *by next week is the final day* untuk kita hendak tetapkan apa yang masuk, apa yang tidak.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Tuan Pengerusi, saya rasa kumpulan wartawan ini sungguh pun penting, kalau pihak-pihak parti tertentu tidak bersetuju, kita macam biasa dululah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *I think this is a...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Apa boleh buat. *What can we do if we cannot come to a consensus.*

Tuan Pengerusi: *Well, that is why I said...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Dari sebelah kita. Nanti kita bincanglah. Sebelah sana bincanglah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *We revert back to the old system in which they do not work.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bukan begitu Tan Sri. Kita bincang daripada awal. Interimnya kita bersetuju tetapi dekat *mode* itu. Kita hendak yang mengundi awal ini pun, pemberita pun, dakwat dicalit. Itu sahaja. Kalau ada cara untuk mengelakkan atau mencalitkan mereka ini melalui pos, buatlah. Akan tetapi yang penting kita buat dengan dakwat kekal ini...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bukan, *to be fair, to be fair.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Boleh, oleh sebab itu saya cadangkan tadi Datuk Seri, mereka mengundi bersama dengan pengundi awal tentera. Oleh sebab saya sebut, mana ada Parlimen di Malaysia ini tidak ada langsung undi pos. *Sorry*, undi pos dulu, tentera..., adakah, ada?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada, ada.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ada, ada.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Agaknya mana?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Banyak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Banyak?

Tuan Pengerusi: Undi pos.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Undi pos ini tidak ada 25 orang. Polis daerah itu sendiri undi pos. Macam mana pula tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ada.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat, janganlah kita emosi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bukan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ini bukan satu...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak apalah, okey.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Itu bukan satu perkara..

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam saya punya kawasan ada...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak, pasal apa, kita...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kalau boleh selesai, kita selesai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita cuba selesai. Saya bersetuju.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Menyampuk]*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya bersetuju mereka mengundi awal sebab itu kita bincang dalam interim. Akan tetapi mengundi pos, dia terkeluar daripada sistem yang kita hendak cadangkan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: *You* tidak mahu - Yang Berhormat tidak minat undi poslah. Mahu *mechanism* yang lain.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak berminat dengan undi pos. Akan tetapi kalau undi awal, saya bersetuju sebab dia datang sama dengan tentera tiga hari awal. Baliklah sekejap. Kalau orang kita boleh. Orang pekerja lain, cikgu-cikgu yang tidak terlibat dengan..., pun boleh balik sekejap untuk mengundi. Apa salahnya pemberita *take off a day*.

Tuan Pengerusi: Okey, yang di Sabah dan Sarawak itu jauh betul hendak balik itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sama juga. Semua orang tidak boleh balik. Sabah dan Sarawak bukan pemberita sahaja. Semua orang.

Tuan Pengerusi: Itulah hendak cari jalan *accommodatelah*. Hendak cari jalan *accommodate*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu sebab saya rasa Yang Berhormat Kapitan cadangkan supaya dibenarkan undi di seberang itu. Itu lagi terbaik, akan tetapi kita tidak terima.

Tuan Pengerusi: Ya lah kita masih kekal dengan itu. Hanya SPR katakan pelaksanaan amat sukar.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pun hairan pasal apa kita bincang tentang tiga, empat ribu orang yang hendak diberi pulang untuk hendak mengundi pos. Sedangkan 150,000 pegawai-pegawai yang bertugas ini undi pos.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Saya bayangkan mereka juga undi awal. Kenapa hari ini tiba-tiba mereka undi pos?

Tuan Pengerusi: Cadangan, ini cadangan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Memang, dia memang begitu. Petugas-petugas SPR...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sampai hari ini saya ingat mereka akan mengundi awal. Tiba-tiba hari ini saya dengar undi pos. Saya rasa tidak kena ini. *Something is not right*. Undi tentera pun tidak seramai macam itu yang kita heboh undi tentera undi pos tiba-tiba 230,000 kita terlepas pandang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada 140,000 lebih kurang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Semalam. Ya?

Seorang Ahli: Ada 200,000 lebih.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ada 200,000 lebih. Semalam Setiausaha ada sebut. Itu ramai. Jadi, saya pun terkejut. Tidak akan kakitangan yang SPR nanti akan undi pos pula. Saya rasa kena undi awal.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Lagi pula, nama mereka itu telah pun dicetak dalam buku daftar pemilih tiap-tiap pusat mengundi. Macam, umpama sayalah. Saya cakap kawasan sayalah. Saya ada 31 pusat mengundi. Tiap-tiap pusat mengundi bukan ada semua undi pos. Tidak ada. Ada yang ada undi pos, ada yang tidak ada undi pos. Tenteralah, 31.

Akan tetapi tiap-tiap satu kawasan tempat mengundi itu ada dia punya petugas-petugas yang mengundi secara pos. Ada dua, ada sorang, ada tiga. Dia ada. Jadi, mereka ini telah pun diputus untuk undi secara pos. Itu yang kita tidak bincang. Kita bincang tentang media yang 3,000 orang ini. Saya pun hairan. Macam mana pula.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dato' Seri...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, nanti-nanti. Belum lagi. Saya hendak minta Datuk jelaskan. Jadi, nama mereka telah pun dicetak dalam buku daftar pemilih. Hari penamaan calon itu adalah menjadi tanggungjawab, *by law*, untuk diberi tiap-tiap calon satu buku daftar pemilih yang telah disahkan dan akan diguna pada hari mengundi itu.

Jadi, nama itu, mereka telah pun dicetak dalam buku itu. Jadi, bila hari mengundi itu, selalunya itu, *Polling Agent* yang bijak, datang jumpa dengan KTM, dia tanya, "Berapa orang dalam senarai dulu?" Dia ada buku dia, ada 550, 560 orang ataupun 350 ataupun 700 pengundi. "Berapa orang dalam nama sini yang undi cara pos?"

Tuan Pengerusi: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang dia bijak. Jadi, KTM akan beritahu, "Okey, saya ada nama yang senaraikan. Saya sudah potong dua nama." "Siapa dia?" "Nombor siri 345, 457." Jadi, *Polling Agent* tahu, *Polling Agent* yang bijaklah. Akan tetapi KTM, menjadi tanggungjawab KTM untuk memaklumkan kepada *Polling Agent*. Ya, KTMnya kena bijak juga.

Tuan Pengerusi: *Of course, of course.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oleh sebab selalunya KTM ini orang biasa. Bukan pegawai-pegawai SPR sepenuh masa. Jadi, dia *not well verse*. Dia sendiri pun tidak tahu. Dia *do not understand* bahawa ada dalam buku daftar pemilih tiga nama yang telah pun mengundi secara pos. *So, it is their duty to inform the Polling Agent.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: *Of course, of course.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, *so that we will mark together. All of them will mark together, so that we know.*

Tuan Pengerusi: *That is why I said, katakan tadi...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam Yang Berhormat Kuala Krai katakan itu. Saya pun bersetuju juga. Dia undi pos. Tiba-tiba dia datang hendak mengundi secara itu. Oleh sebab undi pos tidak ada - *so, I mean this is something that we should look into it.* Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tan Seri, Tuan Pengerusi. Saya ingat kita kena kembali kepada prinsip asas dalam perbincangan ini, prinsipnya apa? Kita hendak kurangkan undi pos. Itu jelas. Apabila timbul tohmahan, tuduhan kepada SPR dan saya kira tidak adil tuduhan ini berterusan terhadap SPR. Maka, kita hendak membantu menambah baik proses dengan mengurangkan kaedah undi pos. Itu benar.

■1720

I think kita kena berpegang kepada prinsip awal itu. Akan tetapi nampaknya sekarang, bukan mengecilkan akan tetapi membiakkan lagi.

Tuan Pengerusi: Tidak juga.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu yang pertama. Kedua, bukan soal 3,000 atau 240 ribu, walaupun satu.... Prinsip adil itu bukan pada 1,000 orang, tidak pada satu orang. Ini bukan soal jumlah. Sekarang ini Datuk Timbalan Pengerusi beritahu, SPR berusaha untuk memastikan pegawai yang bertugas itu kalau boleh datang daripada daerah ataupun tempat mengundi yang berkenaan. Jadi kalau itu falsafah yang digunakan mengapa hendak membenarkan 240 ribu ini undi pos. Dia boleh mengambil masa...

Tuan Pengerusi: Ada 240 ribu?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya 240 ribu.

Tuan Pengerusi: Tidak apa.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bukan tidak apa Tuan Pengerusi. Dengar cakap Setiausaha.

Tuan Pengerusi: Ada 240 ribu, siapa itu?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu Setiausaha jawab.

Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha, SPR]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tekan mikrofon, masuk *Hansard* Setiausaha?

Tuan Pengerusi: Itu tentera, tentera *advance voting* sudah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Oh, petugas.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Petugas SPR yang berkhidmat di hari pembuangan undi, jumlahnya 240 ribu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita boleh kira macam inilah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Nanti sekejap Tuan Pengerusi. Maknanya kalau SPR sedang berusaha mencari pegawai yang dalam DUN itu atau dalam Parlimen itu, tidak timbul untuk undi pos. Ini disebabkan mereka hanya memerlukan lebih kurang setengah jam untuk pergi ke pusat pembuangan undi dan mengundi. Jangan kita...

Tuan Pengerusi: Tidak juga. Kalau yang jauh-jauhlah macam Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Jangan kita cari helah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidaklah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *I mean* dia...

Tuan Pengerusi: Macam pakai helikopter semua ini jauh. Kalau Sabah dan Sarawak.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Mereka sedang berusaha mencari pegawai yang sebaik-baiknya datang daripada daerah itu untuk mewakili SPR sebagai pegawai yang bertugas.

Kalau itu prinsip kita raikan. *I mean* kita amat menghargai usaha itu. Jadi tidak timbullah hendak mewujudkan satu kaedah untuk membolehkan 240 ribu pegawai SPR membuang undi secara pos. Ini yang akan menyebabkan rakyat terus meragui apakah tujuan Jawatankuasa ini untuk menambahbaikkan proses pilihan raya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya setuju. Saya cadangkan begini. Saya ingat sebab saya ini pengalaman boleh kata banyaklah juga. Saya cadangkan pegawai-pegawai yang bertugas itu kita minta pegawai-pegawai bertugas di tempat yang pusat mengundi walaupun mungkin dia punya saluran tidak betul. Akan tetapi apabila mereka bertugas di tempat mengundi, hanya mereka yang bertugas di tempat mengundi sahaja dipilih.

Seorang Ahli: Itu saya setuju.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jam pukul 8 dibenarkan mereka mengundi dahulu. Jadi supaya mereka mengundi dahulu. *At 8 o'clock all the* petugas mengundi dahulu, jadi *polling agent* daripada situ dia tengok bahawa dia pun mengundi dahulu. Jadi *I think that's is the best way...*

Tuan Pengerusi: *So*, lantik mereka yang pusat PRU di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Lantik hanya mereka di pusat. Tidak boleh lantik orang di luar. Umpama katakanlah kawasan saya ada 31 peti undi, ada lima DUN. Ini dia lantik orang di sini, dia mengundi di DUN sana, tidak bolehlah tidak praktikal. Dia lantik orang yang bukan sahaja dalam DUN itu malahan dalam peti undi itu sahaja. Jadi...

Tuan Pengerusi: Datuk Wira bolehkah itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pukul lapan dia mengundi.

Tuan Pengerusi: Cukup orangkah, cukup orangkah. Guru-guru semua ini di dalam PPU tertentu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi kita kurang 280 ribu senang, selesai masalah.

Tuan Pengerusi: ...Supaya tidak payah timbul perkara lain.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya bersetuju sebab kita hendak membaik pulihkan. Saya tidak mahu selepas ini orang kata apa Jawatankuasa ini lebih teruk daripada yang dahulu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Inilah kali pertama saya menyokong Yang Berhormat Kangar sepenuhnya... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Cuba-cuba, *is it practical?* Mencukupikah untuk daerah misalnya tempat saya DUN 1, 22 PPU. Akan tetapi ada yang jauh, ada yang tiga jam. Tiga jam *you see. We can* carilah kalau cari betul-betul.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia susah kita hendak dapat yang ideal maksudnya. Kita hendak mencari petugas SPR di dalam daerah mengundi yang sama.

Akan tetapi tidak semudah apa yang kita buat dasar itu. Dalam erti kata yang lain kita akan mendapat guru yang bertugas di satu sekolah 'A' akan tetapi dia mengundi di tempat yang jauh. Memakan masa setengah jam untuk dia hendak pergi.

Datang hari mengundi dengan *traffic jam* begitu begini, dia akan keluar tempat mengundi dua jam, tiga jam baru dia balik. Jadi mengambil pengalaman kita yang lepas, kita kalau boleh tidak mahu petugas kita memberi *excuse* dia hendak keluar pergi mengundi. Sebab apabila dia keluar pergi mengundi, dia akan balik dengan *excuses traffic jam*, tidak boleh balik cepat.

Memanglah betul masa dia pergi mengundi kerani yang nombor dua mengambil alih tugas dia itu Tuan Pengerusi. Akan tetapi cukup cerewet, cukup remeh keadaannya maka SPR buat keputusan dasar semua petugas SPR undi pos. Sebab kita hendak mengelakkan daripada orang mengambil helah hendak keluar daripada bertugas kerana hendak pergi mengundi. Itulah yang SPR alami. Kita bercakap *experience* kita.

Because kita tengok, kita tidak dapat 100% ataupun *not even 60%* petugas yang mana dapat mengundi di sekolah tempat dia bertugas itu, jarang. Kalau PRU jarang, kalau PRK tidak ada masalah. Dia satu kawasan sahaja. Kita akan *adjust* sana sini. Akan tetapi itulah sebabnya SPR - sebenarnya Yang Berhormat daripada dahulu lagi petugas SPR ini adalah mengundi pos. Sebab itu apabila kita mengisytiharkan keputusan undi pos, apabila kita mengira keputusan undi pos, mula-mula kita kira petugas SPR punya *envelope*. Selepas itu kita buka *envelope* polis, kita buka *envelope* tentera *and then* kita *transfer* kepada borang 15. Jadi...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Datuk Timbalan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi: Namun di sini nampaknya keraguan itu berasas kepada perkataan undi poslah untuk keraguan tercemar ataupun - akan tetapi pegawai-pegawai kerajaan pun yang bertugas ini kita syak orang lain yang mengundi untuk mereka ataupun bagaimana.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bukan timbul soal itu, bukan kita hendak syak pegawai kerajaan itu. Cuma maksud Datuk Timbalan Pengerusi tadi, kalau amalan ini dilakukan sebelum ini tidak semestinya akan kita teruskan. Itulah tujuan Jawatankuasa Penambahbaikan untuk mencari kaedah-kaedah baru yang lebih progresif bagi menjamin ketelusan pilihan raya. Itu kita kena pegang itu. Jangan, oh! sebelum ini pun kita buat, dan tidak payahlah kita ada Jawatankuasa ini, itu yang pertama.

Saya mungkin boleh bersetuju ada beberapa daerah di Sarawak dan Sabah yang mungkin ada masalah untuk mengenal pasti pegawai-pegawai yang dapat mewakili SPR dari tempat yang sama. Akan tetapi kalau soal di Semenanjung, setiap daerah itu ada sekolahnya. Sekolah menengah, sekolah rendah. Apakah tidak ada guru-guru, pejabat daerah ada. Mungkin di Sarawak dan Sabah itu sebab dia punya logistik itu jauh. Jadi jangan kerana kumpulan kecil ini, kita memberikan ruang untuk timbulnya tohmahan untuk satu jumlah yang besar.

Kalau kita boleh selesaikan pegawai-pegawai kerajaan sama di kalangan guru ataupun pejabat daerah untuk mewakili SPR di daerah dan di kawasan itu dan kalau ada tempat di Kota Marudu yang jauh, okeylah kita boleh ini. Akan tetapi janganlah dirangkumkan keseluruhan 240 ribu untuk undi pos.

Saya kira kalau maklumat ini dikeluarkan esok, saya ingat timbul satu masalah yang besar. Kredibiliti Jawatankuasa ini memang tercabar sama sekali.

Tuan Pengerusi: Okey, di dalam perkara ini bolehkah pihak yang cadangan awal tadi itu iaitu bagi semua tempat keutamaan kepada pegawai-pegawai *Returning Officer* di beberapa tempat ini adalah mereka yang mengundi di tempat tersebut. Kita cuba dahulu itu sebagai cadangan dan tengok berapa sukar untuk mencapai itu. Memang sebahagian di Sabah barangkali bukan juga senang kalau luar bandar itu, tidak banyak cikgu dari satu kawasan yang boleh diteruskan. Ada yang terdekat pun tiga atau empat batu, dua jam begitu. Akan tetapi pihak SPR boleh pertimbangkan. Minggu depan kita *review* balik. Kita cadangkan dahulu begitu. Jadi pada saat ini kita cadangkan kita tidak galakkan prinsip untuk undi pos bagi petugas-petugas. Tengok berapa sukar untuk melaksanakan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Respons dua tiga minit Tuan Pengerusi. Apabila SPR kenal pasti petugas-petugas SPR, mereka ini semua sudah berdaftar sebagai pengundi. Kita tidak tahu di mana dia mendaftar. Kita hendak cari 200 ribu petugas. Dia telah mendaftar di merata-rata dalam kawasan pilihan raya itu.

Tuan Pengerusi: Betul, betul.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Bukan bila kita lantik dia baru kita suruh dia mendaftar di kawasan ini, daftar di sekolah ini. Tidak. Jadi *they are already registered voter where ever they register*. Sekarang ini dia pun bertugas, kita hendak tahu di sana ada tiga saluran.

■1730

Satu saluran ada empat orang campur KTM. Lepas itu ada penyelia pilihan raya mungkin, penyelia pusat mengundi, ada petugas-petugas yang lain, pembantu arah pusat mengundi (PAPM). Dia pun dikira petugas SPR. Dia ini mungkin orang daripada 10 batu daripada tempat dia itu. Jadi, cukup rumit kalau kita hendak membenarkan mereka keluar mengundi *physically* meninggalkan tempat itu pada hari pengundian. Kita sudah ada pengalaman benda ini. Jadi, sebab mereka ini *already* berdaftar mengikut kawasan dia.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau izinkan saya cadangkan Datuk Timbalan Pengerusi, SPR boleh memulakan inisiatif. Esok tulis surat kepada Kementerian Pelajaran dan Pejabat Pendidikan Daerah, senaraikan nama guru-guru yang mengajar di sekolah menengah dan sekolah menengah dan SPR boleh menyemak di mana mereka ini mengundi. Daripada senarai itu, membantu SPR untuk mengenal pasti pegawai mana berkhidmat di *polling station* mana. Boleh dilakukan.

I mean, kalau SPR tulis surat kepada Kementerian Pelajaran dan Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengumpulkan maklumat pegawai-pegawai kerajaan, bersama nombor kad pengenalan mereka, *immediately* SPR boleh tahu di mana mereka mendaftar sebagai pemilih. Jadi, kalau dia berdaftar, contohnya di Hulu Klang, letaklah dia bertugas di *polling station* dalam kawasan Hulu Klang.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Itu pun tidak cukup kerana kalau mengundi di Hulu Klang, dia bukan di saluran itu, tempat itu, tidak boleh.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, betullah tetapi...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dia mesti...

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Kalau kawasan bandar Yang Berhormat Alor Gajah, daripada satu sekolah ke satu sekolah, tidaklah melibatkan satu jarak yang begitu jauh. Kita kena...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *This is the problem. They ask permission* untuk keluar undi. Semua pun *1 kilometre away* tetapi susah, ia akan *confused the system*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dalam peti undi bukan ada 20, 30 orang, ia ada beribu orang dalam peti undi ini. Takkan tidak boleh dapat dalam peti undi berapa 12 orang, 16 orang hendak bertugas. Apa yang penting nanti mereka yang memohon, bukan SPR yang memilih. Undang-undang tidak mengatakan SPR memilih. Orang itu memohon. Kalau mereka tidak memohon, SPR tidak boleh pilih. Betulkah Datuk? Ini SPR tidak pilih. Ini dia mohon untuk menjadi—walaupun dia sebagai petugas tetapi kalau dia tidak memohon, dia kena undi cara biasa.

Tuan Pengerusi: Cuba kita...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang mengundi poslah yang dimaksudkan saya ini. Jadi, sekarang ini tidak payah memohonlah. Dia tidak payah memohon sudah. Jadi, SPR tengok *and then* cadangkan kepada siapa-siapa yang ini. Kalau mereka mohon, bukan hendak memohon hendak menjadi undi pos tetapi hendak memohon hendak menjadi petugas.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya terima pandangan Yang Berhormat Kangar, baik. Daripada ribu takkan tidak boleh cari 10, 12 orang. Boleh.

Tuan Pengerusi: *I think* di kawasan Semenanjung dan pekan, kota-kota besar tidak ada masalah. Bagi kami yang di luar bandar ini macam *I sebut your name is PPU* Sungai Bagan, satu cikgu pun dari sana memang tidak ada. Ini jalan kaki punya sekolah. *So, they have to be exception I think for* Sabah, Sarawak tetapi beginilah Datuk ya. Bolehkah pihak SPR telitikan perkara ini memandangkan dari pandangan Jawatankuasa. Satu, pandangan keseluruhan di sini adalah mengurangkan penggunaan undi pos memandangkan kepada kebimbangan dan seterusnya. Kedua, bagi petugas SPR ini ialah bahawa kaedah di mana kita sudah melantik orang yang daripada PPU tersebut dan mengelakkan mereka terpaksa keluar jauh pergi mengundi pada masa tersebut dan dengan itu mengurangkan penggunaan undi pos. Jadi, cuba telitikan dan kembali kepada kita nanti minggu depan mesyuarat. Kalau betul hendak *particular* nanti kami bincang balik di sini.

Bagi wartawan, saya cadangkan bagi pihak kami di sini, kami hendak pertimbangkan dahulu sebab ini respons yang sebenarnya, banyak yang minta. Jadi, kita putuskan pada minggu depan nantilah. Jikalau kita bilang tidak payah untuk mereka ini dan kita tetapkan begitu. Ertinya undi seperti biasa ataupun kita hendak buka *tab just to allow them and* tengok reaksi kita, boleh? *So, we don't get bogged down.* Saya rasa... Ada apa-apa lagi Datuk Wira, *any update?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Izinkan saya *update* Jawatankuasa, warganegara Malaysia di luar negara.

Tuan Pengerusi: Ya. *So*, pelaksanaannya undi pos.

Seorang Ahli: Tidak bolehlah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, maklum balas yang...

Tuan Pengerusi: *Capital* dia kata.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Maklum balas SPR adalah seperti ini. Sebenarnya SPR berusaha untuk meluaskan orang yang berhak mengundi sebagai pengundi pos kepada semua warganegara Malaysia yang layak berada di luar negara. *Statement* ini adalah kerana kita telah maklum kepada Jawatankuasa dahulu iaitu tidak mungkin kita dapat membuka pusat mengundi di kedutaan. *So*, kita sudah tolak macam seperti mana yang beberapa negara buat. Mereka memakai sistem pilihan raya yang berbeza dengan kita. Dia boleh buka peti undi di kedutaan. Kita tidak boleh. Wisma Putra tidak sanggup dan sistem kita tidak mengizinkan sebegitu senang di mana wakil calon hendak kena ada dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, untuk itu SPR fokus kajian kita, penyelidikan kita kepada undi pos untuk memberi...

Tuan Pengerusi: Sebelah sini tidak berapa setuju dengan undi pos ini.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itulah, itulah peluangnya. Kalau kita hendak memberi hak kepada warganegara Malaysia yang duduk di luar negara mengundi, ikhlas SPR ceritakan, itulah satu jalan yang ada.

Tuan Pengerusi: Okey, boleh tetapi ertinya SPR pandangan SPR. Boleh dalam pandangan lembaga tetapi melalui undi pos, begitulah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu *basic* sahaja tetapi saya ada penjelasan lain lagi. Bagi maksud untuk hendak membenarkan warganegara Malaysia ini dapat mengundi secara pos, kita telah membuat kajian beberapa negara di dunia...

Tuan Pengerusi: Kelayakanlah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: ...Ada syarat-syaratnya. Tidak sewenang-wenangnya rakyat Malaysia duduk 15 tahun di luar negara, sampai masa pilihan raya hendak mengundi. Kita kaji Australia, kita kaji Kanada, Singapura, semua negara mempunyai syarat.

Syarat yang *simple* sekali yang kita pilih untuk diguna pakai adalah dia balik ke negara dia dalam tempoh masa yang panjang. Setengah negara itu tempoh masa tiga tahun tetapi untuk kita cadangkan dalam tempoh masa lima tahun.

Tuan Pengerusi: *Same with Australialah?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia balik sekali ke Malaysia dan kita telah— kita perkara ini kita kena— kita hendak maklumkan kepada Jawatankuasa. Kalau Jawatankuasa hari ini bersetuju dengan syarat yang dicadangkan oleh SPR ini, maka barulah SPR hendak berbincang secara *details* dengan Jabatan Imigresen untuk menentukan mereka ada tidak sistem untuk memantau orang yang balik dalam lima tahun dia balik sekali. Akan tetapi daripada semakan awal, sistem kita *laser checking passport* ini, boleh tetapi tidak semuanya rakyat Malaysia yang balik itu menggunakan saluran itu. Jadi, sukar juga. Akan tetapi mana-mana negara pun Yang Berhormat, yang kita semak, semua ada syarat balik ke negara dia. Jadi...

Tuan Pengerusi: Itu satu sahaja syaratlah, lima tahun sekali balik?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia kena mendaftar.

Tuan Pengerusi: *Of course.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia kena mendaftar sebagai pengundi dan hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurang sekali dalam tempoh lima tahun.

Seorang Ahli: Sekali balik berapa lama?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia balik sekali cukuplah.

Tuan Pengerusi: *Last one* mesti *five years* agolah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Walaupun satu harilah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu terserah pada dialah.

Tuan Pengerusi: *Transit* mesti keluarlah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Australia, Australia tiga hari, *sorry*, tiga tahun, *Canada* lima tahun. Semua ada syarat balik ini. Tidak ada negara yang *blanket approval*. *You've been absent for 15 years, you come back* mengundi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *No such thing*. Jadi...

Tuan Pengerusi: Lima tahun.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi...

Tuan Pengerusi: Dia sahaja, dia sahaja yang tidak ada.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, dalam tempoh lima tahun dahulu, dia ini mesti *a registered voter*. Selepas itu, dia kena *apply* untuk mengundi secara pos, *because* undang-undang yang ada sekarang pengundi awam, untuk mendapat hak mengundi pos, macamlah wartawan tadi. Dia kena *apply* untuk mengundi secara pos. Kita boleh buat *a very simple system*, dia *download the form* atau apa-apa tetapi dia kena *apply*.

Tuan Pengerusi: *Apply.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan *develop* satu *software* di mana apabila mereka di luar negara, *enter* kita punya *website*, dia boleh *update* dia punya *latest address*. *Wherever they are in the world* Tuan Pengerusi, dia akan *update address* dia, di mana dia hendak kertas undi dia sampai kepada dia. *Update of address* itu, *access by the* kedutaan kita di luar negara. Maknanya, apabila dia *go in into website* SPR, hendak *updatekan address* dia, kedutaan kita yang terdekat itu pun dapat *access*. Maknanya, dia akan tahu *whereabout* rakyat Malaysia yang memohon untuk mengundi pos dan- sebab nanti kita akan menggunakan saluran Wisma Putra dengan penghantaran cepat untuk hendak menghantar kepada alamat-alamat rakyat Malaysia di luar negara.

■1740

Akan tetapi Tuan Pengerusi, kemudahan mengundi sebagai pengundi pos yang dicadangkan ini hanya boleh dipohon oleh warganegara Malaysia yang telah mendaftar dan disahkan sebagai pemilih di bawah kategori pengundi biasa dan beliau memohon. Bagi mana-mana warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan telah mencapai umur 21 tahun tetapi belum mendaftar atau belum disahkan sebagai pemilih tidak boleh memohon. Bagi melaksanakan syarat ini, SPR juga perlu berbincang dengan pihak Jabatan Imigresen dan PDRM dan beberapa lagi agensi yang berkaitan bagi membolehkan syarat ini dikuatkuasakan. Apabila perkara dasar dan perbincangan ini dimuktamadkan, ahli SPR dengan agensi-agensi ini dari segi tatacara dan penguatkuasaannya, maka SPR akan mengkaji perkara yang melibatkan undang-undang yang perlu dipinda. Pertama sekali kita perlu pinda iaitu dalam undang-undang yang sedia ada Yang Berhormat, SPR tidak ada kuasa untuk hendak meletakkan syarat.

Dalam undang-undang sekarang, wartawan memohon untuk mengundi pos tidak ada syarat. Dia memohon, kita tengok permohonan dia logik dan *authentic*, kita luluskan dia sebagai pengundi pos. Akan tetapi kalau warga di luar negara, SPR meletakkan syarat kena balik dalam masa lima tahun sekali, tidak ada dalam peruntukkan sekarang yang memberi kuasa kepada SPR...

Tuan Pengerusi: Ubah akta?

Seorang Ahli: Bukan, Perlembagaan.

Tuan Pengerusi: Perlembagaan ya?...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya rasa kita ubah Akta Pilihan Raya 1958.

Tuan Pengerusi: Perlembagaan tidak payah?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang, SPR]: ...Masa itu di bawah akta, *we have to amend it*.

Tuan Pengerusi: *It is rights..., applied to application...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi, kita serah kepada jawatankuasa. Daripada penyelidikan kita, semua negara di dunia bersyarat. Kita hendak letakkan syarat tetapi sekarang ini kita tidak ada kuasa hendak letakkan syarat. Jadi mahu tidak mahu kita terpaksa cakap kepada warganegara Malaysia di luar negara, mereka mendaftar sebagai pengundi, apa salahnya hari mengundi mereka balik mengundi ke negara dia.

Tuan Pengerusi: Okey, kami akan pertimbangkan cadangan dan respons daripada SPR.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, soalan saya ialah sekiranya jawatankuasa ini katakanlah kita setuju dengan semua cadangan ini, syaratnya dan sebagainya. Berapa lama SPR boleh melaksanakan undi pos ini untuk warganegara kita di luar? Adakah ia sempat untuk PRU ke-13? *That is one.*

Keduanya, ialah, sekiranya undi pos ini dilaksanakan bagi warganegara Malaysia, saya rasa pakejnya ialah SPR juga kena bersetuju dengan kempen 21 hari kerana proses penghantaran undi pos, proses hantar balik itu memerlukan masa, *at least* dua tiga minggu. Jadi saya rasa itu perlu juga kita mengambil kira, harap boleh memberikan respons sikit.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat Rasah, tadi kita bersetuju, prinsip kita ialah mengurangkan undi pos ini. Kalau kita bersetuju...

Tuan Loke Siew Fook: Saya katakan kalau Tan Sri.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kalau katakan kita bersetuju, undi pos ini bertambah 1 juta lebih.

Tuan Loke Siew Fook: Untuk luar negara...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Itu bercanggah dengan prinsip Yang Berhormat Gombak...

Tuan Loke Siew Fook: Itu luar negara, saya katakan...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dia tidak percaya undi pos langsung.

Tuan Pengerusi: Ada relevan juga.

Tuan Loke Siew Fook: Saya katakan, undi pos untuk luar negara, bukannya untuk dalam negara ada beza dia.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ada kelayakan dia lebih pentinglah daripada...

Tuan Loke Siew Fook: Bukan, sebab SPR kata, Presiden MCA sendiri kata kalau buat kat *embassy*, semua kelam kabut. Itu Presiden MCA yang cakap. Saya kata, "katakan"...

Tuan Pengerusi: Ini bukan Yang Berhormat Alor Gajah... *[Ketawa]*

Tuan Loke Siew Fook: Ini Presiden MCA yang bantah, bukan saya bantah. Presiden MCA yang bantah untuk undi di kedutaan...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kita semua bukan dalam parti sekarang. Kita berada di sini sebagai Yang Berhormat Rasah dengan Yang Berhormat Alor Gajah... *[Ketawa]*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi Tuan Pengerusi, jika semua syarat ini dapat kita laksanakan melalui perundangan untuk jangka panjang, mungkin PRK selepas PRU-13, *insya-Allah* kita dapat laksanakan.

Tuan Pengerusi: Kalau pilihan raya setahun lagi?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak ada masalahlah. Saya minta Penasihat Undang-undang SPR – dari segi hendak menyediakan perundangan, pertama sekali kita kena tetapkan dasarnya. Adakah dasar kita bersetuju.

Tuan Pengerusi: Kita akan berbincang dan membuat ketetapan di situ.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi soalnya bergantung kepada bila PRU ke-13 tetapi kalau Jawatankuasa fikirkan, sudah sampai masanya rakyat Malaysia diberi hak untuk mengundi, kita jangan fikirkan PRU-13 sahaja, kita lihat selepas itu dia dapat mengundi.

Tuan Pengerusi: Okey, ada respons terakhir di sini? Sebelum...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ada tiga perkara. Pertamanya, istilah yang digunakan atau kaedah yang digunakan, undi pos ataupun undi awal untuk warganegara Malaysia di luar.

Tuan Pengerusi: Undi Pos dia kata.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau undi awal pun dia kena pos juga ya?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, ya. Itu *Diplomatic Bag* lah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Gunakan *Diplomatic Bag*, yang ini pun ada kita bincangkan juga. Maknanya tidak perlu SPR membuka kotak setiap DUN ataupun 222 Parlimen di setiap kedutaan, masukkan semuanya dalam satu *Diplomatic Bag* di kedutaan tersebut dan hantar ke Ibu Pejabat SPR di mana dan diagihkan mengikut DUN dan Parlimen yang telah tercatat pada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Melalui pos jugalah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak, dia tidak melalui pos, ia melalui kapal terbang, diplomatik beg...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Bila ke Pusat, hendak masuk ke Kangar, ke Gombak, dia akan melalui...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak, tidak. Kita maksudkan di Ibu Pejabat SPR, dia ada beg-beg tertentu, 222 Parlimen dan DUN yang berkenaan dan dikira di situ. Ini kaedah untuk mempermudah. Sebab kalau isunya undi pos, memang saya daripada awal, prinsip saya menolak kerana tohmahan itu terlalu besar.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Azmin Ali: Nanti kejap Yang Berhormat Alor Gajah, sabar sikit. Itu contohlah, maknanya...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Mahu sokong.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bersetuju? Kalau bersetuju, silakan... [*Ketawa*]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya bersetuju dengan cadangan itu. Kalau kita boleh buat macam itu, kita hantar ke KL untuk kira dan tutup di sana. Macam itu juga dengan wartawan dan semua ini. Kita izinkan mereka undi sekali, kira sekali dalam tempat tertutup dan hantar.

Tuan Pengerusi: *I think* amat sukar, hendak tubuh walaupun satu peti untuk di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat, kita jangan *move backward*, kita akan menjadi *laughingstock of the world* ini. Kita hendak adakan tiap-tiap *missions, 150 missions, 222* tong ini, tong sana, tong sini...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yang Berhormat Kangar, saya hendak jelaskan balik...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di sini pun ada tong 222, apa semua...

Tuan Mohamed Azmin Ali: *I mean* tidak ada 222 tong Parlimen di setiap kedutaan, tidak ada, saya hendak tegaskan. Katalah kedutaan di London, ia hanya ada dua *Diplomatic Bag*, satu Parlimen...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Tidak, tidak, pengundi di London macam mana?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu yang Datuk Timbalan Pengerusi beritahu, beritahu alamat, dihantar ataupun dia boleh kirim kepada kedutaan, dia boleh datang ambil. Bila dia memangkah...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jangan cakap perlahan-lahan macam itu, hantar melalui pos kepada tiap-tiap pengundi ataupun melalui kedutaan dan orang mengundi ambil di kedutaan, itu bezanya.

Tuan Pengerusi: Kedutaan boleh edar.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Opsyen yang kedua. Ini cadanganlah untuk memperbaiki. Maksudnya kertas undi itu ada di kedutaan, pemilih yang telah berdaftar datang ke kedutaan. Kalau dia kata jauh ke apa, itu sekurang-kurangnya kita telah menyediakan kemudahan ini. Baik, dia pergi ke kedutaan, pangkah Parlimen, pangkah DUN, ada dua beg sahaja. Satu beg Parlimen, satu beg DUN. Masukkan semua, tutup, *sealed* dengan *diplomatic channel*, hantar ke Kuala Lumpur, kita boleh tentukan tempat untuk...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada 150 beg lah yang datang?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ada 150 beg, sampai di sini, di sinilah ada wakil-wakil parti untuk melihat dimasukkan dalam 222 tong itu, di sini sahaja dan dimasukkan. Jadi bila dikira dan terus diambulkan keputusan.

■1750

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Gombak, tidakkah Yang Berhormat Gombak ambil kira di tempat kedutaan di mana mereka pangkah kertas itu, tidak risau tidak ada wakil parti sana?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *That...*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak. Dia kata dia ada wakil parti.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Mekanisme itu kita boleh tambah. Maknanya, boleh kalau parti hendak merasakan hantar wakil, dibolehkan sehingga diseal/ dan hantar.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya. Ini kerana kita tidak hendak nanti orang...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuduhan. Itu mekanisme boleh. Itu satu cadanganlah.

Tuan Pengerusi: So, begitu buka, kira, mana Parlimen, baru hantar keputusannya malam itu juga.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maklum keputusan sahaja sebab wakil parti sudah ada di sini sudah. Beliau lihat Parlimen ini berapa...

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Wira boleh respons.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Hanya kedutaan yang besar seperti di London, di Washington. Seperti di Sweden kecil, empat orang sahaja pun, di *Egypt*. Jadi, jangan kita menjawab, wah 150 bagaimana. *I mean* permudahkan. *We facilitate* untuk rakyat Malaysia mengundi. Itu pertanyaan saya yang pertamalah, apakah kemungkinan ini boleh dipertimbangkan?

Kedua, pemilih-pemilih di kalangan rakyat Malaysia yang belum lagi berdaftar. Seperti Datuk Wira kata tadi, maknanya kalau belum daftar, tidak bolehlah. Tidak bolehkah dibenarkan mereka mendaftar di kedutaan untuk...

Tuan Pengerusi: Ini dari hal pendaftaran.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Hari itu dalam mesyuarat minggu lepas...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat, Yang Berhormat belum habis lagi itu.

Tuan Pengerusi: Jangan lari daripada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, sampai ke Kuala Lumpur. Jadi, kita siapkan 220 tong untuk 222 Parlimen, yang *state* itu 556 tong. Di mana saya tidak tahulah, di padang mana tidak tahulah. Akan tetapi selepas itu, kertas-kertas undi itu hendak pergi ke mana..., kira di situ?

Tuan Pengerusi: Kira di situ. SPR...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kira di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kira di situ. Selepas itu hantar keputusan kepada...

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Then transfer the result to respective kawasan, kepada Returning Officer...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak perlu.

Tuan Pengerusi: Biar lebih kemas. Okey, Datuk Wira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat punya cadangan itu kita faham sangat tetapi sukar sekali untuk laksanakan. Ini kerana sistem pilihan raya kita, kita mengundi calon tempat kita mendaftar. Bukan semuanya orang di kedutaan kita di United Kingdom itu hanya mengundi Putrajaya sahaja. Dia mengundi calon yang bertanding di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi: Memang. Akan tetapi semua masuk *box*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, RO SPR akan menghantar kertas undi Sungai Petani, kertas undi Gombak, kertas undi seluruh negara hantar kepada London. Lihat pula senarai yang di Washington, kutip semua tadi yang mendaftar mungkin 30 bahagian Parlimen, mungkin 30 misal kata, hantar pula ke sana. SPR tidak ada tenaga. Wisma Putra tidak sanggup. Kita sudah bincang benda ini. Maaf saya cakap Yang Berhormat, daripada pilihan raya kita tergendala, kucar-kacir kerana disebabkan ini. Kalau kita bersetuju, kita terimalah saluran cara undi pos. Oleh sebab apa? Kedutaan kita di luar negara yang kita semak sekarang ini, Wisma Putra beritahu kepada kita hanya 25,000 orang sahaja rakyat Malaysia yang berdaftar di kedutaan. Bukan banyak pun, 25,700 *something* sahaja. Daripada itu, hanya 1,800 sahaja yang nama dia berdaftar dalam daftar pemilih.

Kita sudah melantik di 54 pejabat perwakilan di seluruh dunia. Kita sudah lantik PPP kita supaya dia mendaftar, yang responsnya hanyalah para pelajar. Di UK ada sedikit, di New York, di US, di Australia ada lah itu. Itu pun..., itulah sahaja yang kita – 104 pejabat perwakilan yang telah kita lantik PPP kita, Penolong Pendaftar Pemilih kita. Jadi soalnya, SPR minta maaf, memang tidak sanggup untuk hendak..., dalam tempoh yang sebegitu tertekan, Pegawai Pengurus SPR hendak koyak semua kertas undi ini, hendak hantar kepada UK, hendak hantar kepada..., *because* mungkin di satu kedutaan itu, mungkin ada lima sahaja orang yang mengundi di Pekankah. Seluruh dunia Yang Berhormat, seluruh negara orang mendaftar. Jadi saya rasa, kita terlalu takut kepada undi pos sehingga kita hendak pergi ke satu *area* yang bagaimana kita rasa cukup *complicated* sekali.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Datuk Wira, tadi *I think* seperti Yang Berhormat Gombak, kalau saya baca dengan betul, *we can still* hantar itu dalam bentuk pos bukan. Ada *direct to them* atau pun hantar kepada kedutaan. *They can come and* ambil kertas itu, buka, undi tetapi hanya masuk dalam satu *mail bag* sana. *The whole mail bags will* datang sini dan kira di sini.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia bukan kira. Di sini datang 150, *then they have to sort out. That sorting out will take time*, mesti mereka tidak ada pegawai.

Tuan Pengerusi: No. Kira di sini.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Jangan kita cepat mengeluhlah, tidak cukup pegawai, tidak cukup kakitangan. Kalau itu alasannya, Jawatankuasa ini bertanggungjawab mencadangkan, kita minta bajet yang lebih daripada kerajaan. Kalau benar itu alasannya, kita minta lantik pegawai yang lebih untuk dilatih dan untuk menaik taraf.

Jangan guna alasan seperti ini. Kalau inilah alasannya, sampai kiamat kita tidak boleh menambah baik proses pilihan raya. Itu yang pertama.

Kedua...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita pergi ke negara-negara yang kita sudah lihat. Kita lihat *the three nations that we went*, mereka semua *without anything*, cakap pos. *Anywhere in the world*, tidak ada sistem yang dibuat melainkan pos?

Tuan Mohamed Azmin Ali: *You do not hide the fact* Yang Berhormat Kangar. Di Denmark, *the moment they give the briefing*, ayat yang pertama apa?... *"The level of trust among the Danish people in the system is so high."*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, negara kita ini...

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Unfortunately*, saya tidak menyalahkan mana-mana...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita ini 85%, 84% negara kita yang keluar mengundi, *every time elections but what trust you want, higher then most of the nations there...?*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *That does not reflect anything, the level of confident.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Of course it is.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bagaimana..., ini kerana...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada 80% kita punya, *as compared to Britain*. *Britain* berapa *percent* sahaja...

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Why are you having this Jawatankuasa, for what?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *No.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya. *That mean*, maknanya hendak perbetulkan. Kalau perlu bajet, tambah bajet. Kalau perlu pegawai, tambah pegawai. Jangan jadi *excuse* benda ini. Masalah rakyat Malaysia di luar negara yang terlalu kecil jumlahnya kerana tidak ada kempen, tidak ada *level of awareness*, tidak ada pegawai yang dilantik, baru sekarang dilantik. Oleh sebab itu minggu lepas dalam mesyuarat, kita bangkitkan siapa yang dilantik. Ini kerana apabila kita tanya Duta Besar Malaysia ke United Kingdom, beliau sendiri tidak tahu bahawa SPR telah melantik.

Maka, kita putus pada 6 Mac, hari ini SPR perlu kemukakan siapa pegawai yang telah dilantik oleh SPR supaya dimasukkan ke dalam *website* kedutaan itu. Jadi, rakyat Malaysia di United Kingdom tahu siapa hendak *contact*. Ini kerana sekarang aduan yang kita terima, rakyat Malaysia telefon kedutaan, tiada siapa yang mengambil tanggungjawab itu. Jadi, hendak daftar bagaimana. *Do not blame our people* sebab tidak ada satu mekanisme yang jelas dalam mempromosikan dan meningkatkan kesedaran bahawa mereka boleh mendaftar di kedutaan. Ini yang kita bincang. Ini tujuan Jawatankuasa. Akan tetapi kalau kita hendak ambil jalan mudah, okeylah, tidak bolehlah, susahlah, tidak cukuplah, *then* saya rasa *this is not a reform* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. *Alright*, cukup panjang penjelasan. *So*, satu yang paling *simple* sebab tadi *is a modified postal vote* yang disentuh oleh Yang Berhormat Gombak. *Simplest one is mail to them based on* alamat yang diupdatekan itu dan mereka pos *in the mail back* pergi kawasan masing-masing. *That is the standard postal voting*. Apa dicadangkan Yang Berhormat Gombak tadi ialah boleh kumpulkan semua surat ini di kedutaan, mereka boleh ambil di situ, yang dekatlah, mengundi masuk dalam *box* di situ dan baru satu itu dibawa ke Kuala Lumpur dan dikira di sini. Terus baru beritahu pusat-pusat ada tambahan undi dari *overseas* begini. Akan tetapi mengatakan tadi terlampau banyak kerja dan kakitangan yang diperlukan. Begitu bukan?...
[Disampuk] Akan tetapi juga tidak sampai 220 bukan?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi apa yang Yang Berhormat Gombak cakap itu sebenarnya undi pos.

Tuan Pengerusi: Ya lah. Akan tetapi...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Maknanya, SPR sudah tahu di mana dia berada di United Kingdom, kita hantar undi pos kepada dia melalui kedutaan. Wisma Putra sudah jamin iaitu kita akan menggunakan penghantaran secara cepat. Tidak tahulah berapa lama Tuan Pengerusi. Mungkin tiga hari, empat hari, kita tidak tahu. Akan tetapi dia akan hantar kepada alamat yang pengundi itu sendiri *update* kepada kita. Kita hantar sama juga seperti mana *envelope* undi pos yang berada di Malaysia. Sampul 'A', Sampul 'B', apabila dia mengundi, persoalannya dia hendak hantar sendiri melalui Federal Expresskah, pergi terus kepada RO alamat yang tercatat di kawasan dia atau pun dia hendak hantar kepada kedutaan, beri kedutaan masuk dalam *diplomatic bag* yang secara laju...

Tuan Pengerusi: *Yes, express* hantar.

■1800

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu adalah undi pos.

Tuan Pengerusi: *Yes*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi Yang Berhormat sebut tadi pergi pangkah hari itu masuk dalam peti dan bawa balik peti itu, itu yang kita tidak sanggup. Akan tetapi kalau jawatankuasa bersetuju, warganegara Malaysia yang memohon mendaftar sebagai pengundi dan memohon untuk mendapat pengundian pos dan syarat yang kita hendak letakkan tadi dapat kita perundangkan, undi poslah saluran dia. Bukan SPR menolak sama sekali ruang untuk warganegara Malaysia.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: ...*You explain* macam mana you buat undi pos itu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Undi pos.

Tuan Pengerusi: *Best define* undi pos.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Oleh sebab itu saya kata SPR akan *develop a website* kita di mana *Malaysian oversea will update* dia punya *address to make sure embassy* kita *access* juga alamat itu dan hantar kepada dia. Akan tetapi saya tidak dapat beri jaminan berapa hari. Akan tetapi semasa saya melawat Washington dan Kanada dapat maklum balas daripada pegawai-pegawai kita, dia cerita daripada Washington DC kalau dihantar ke Florida misalnya satu hari boleh sampai. Kalau *special* nya lah. *The question on* siapa yang hendak bayar *postage*? So, SPR kena dapatkan bajet yang besar untuk hendak bayar *postage*. Satu hari daripada Washington DC hendak hantar ke Florida kah, hendak hantar ke Oregon ke mana-mana. Akan tetapi SPR tidak hendak menyekat rakyat Malaysia mengundi. Oleh sebab itu kita bersusah payah memikirkan ruang untuk mengundi pos. Hendak menghantar balik daripada pengundi, pengundi hendak menghantar sendiri kah ataupun pengundi hendak pergi *drop* dekat pejabat kedutaan kah, itu terserah kepada pengundi.

Akan tetapi soalnya yang lebih awal daripada itu Yang Berhormat adakah SPR ada kuasa hendak memperundangkan syarat tadi? Jadi tadi Yang Berhormat Rasah tanya bila kalaulah kita hendak memasukkan perundangan memberi kuasa kepada SPR di bawah Akta Pilihan Raya 1958 itu katakan jawatankuasa katakan beri kuasa kepada SPR, itu SPR mengenakan syarat itu. Saya rasa..

Tuan Pengerusi: Dia katakan tadi sekadar akta sahaja.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akta. Dalam akta

Tuan Pengerusi: Sebagai syarat. Di sana ada syaratlah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Beri kuasa kepada SPR. Tidak salah saya di bawah seksyen 16.

Tuan Pengerusi: Okey, *so* nanti kami putuskan nanti. Tunggulah, *you know* dalam perkara ini. Namun telah kita cadangkan hanya mekanisme yang telah setakat ini nampaknya mekanisme itu adalah undi pos. Bagaimana pelaksanaannya itu dengan lebih jelas dan cepat itu yang kita perlu bincangkan teruslah ataupun serah terus kepada SPR.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *I actually like that idea*. Kita akan bincangkan selepas ini.

Tuan Loke Siew Fook: Datuk Wira. Saya hendak tanya untuk undi pos di luar negara yang ada sekarang ini yang tidak sampai 1,700 yang diberikan statistik itu di seluruh dunia. Adakah undi-undi ini betul-betul kembali ke kawasan masing-masing pada hari mengundi secara praktisnya sekarang ini, dia sempat tidak?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak. Jawapan yang ikhlasnya. Kebanyakan disebabkan kerana tempoh kempen kita yang pendek dan disebabkan kita tidak ada satu sistem yang khusus, kita berbincang sekarang ini bajet yang lebih. Hantar *diplomatic bag* dengan secara yang *fast lane* punya sistem.

Maka kita beri jaminan mungkin daripada Putrajaya pergi ke kedutaan di UK mungkin dua hari. Daripada kedutaan pergi kepada tempat-tempat yang mana di UK mungkin dua hari juga. *So, four days or five days after nomination or six days the latest after nomination* pengundi rakyat Malaysia luar negara dapat *envelope* dia. Mungkin kalau kita panjangkan tempoh berkempen dia hendak hantar melalui kedutaan balik pun, kedutaan akan buat *fast lane* punya *postage* lah. Kita belanja besar dengan *Federal Express* ke DHL kah ataupun dengan *whatever security service*.

Jadi ini kita sudah bincang dengan Wisma Putra Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya berani cakap di sini pergi ke Wisma Putra, pergi kepada pengundi, pengundi hantar balik ke Wisma Putra balik pun boleh, pengundi nak hantar *direct* ke RO dia pun boleh. Sebab tiap-tiap *envelope* itu ada alamat RO dia.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Maksudnya sekarang ini dia tidak sempat balikhlah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak pada kebanyakannya Yang Berhormat..

Tuan Loke Siew Fook: Dan kebanyakannya tidak dikira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya pernah bertugas di luar negara. Kertas undi kita sampai balik ke SPR selepas keputusan.

Tuan Pengerusi: Selepas undi sudah kira?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak sempat. Oleh sebab tempoh kempen selalunya kita bagi 11, 13 hari kan, jadi memang. Dulu kita tidak fokus perbincangan macam ini. Wisma Putra menghantar pula bergantung kepada *availability of diplomatic bag*. Macam-macam masalah dia. Kalau di Singapura, di Jakarta itu cepatlh.

Tuan Pengerusi: Itulah yang dekat *I think* sempat juga. Akan tetapi pergi London itu, pergi US itu DHL *Express* lah. Akan tetapi saya rasa bagi jawatankuasa ini kita terima analisa tadi dan nampaknya setakat ini tidak ada jalan lain kecuali satu jalan undi pos. *Mail* terus kepada *Returning Officer* masing-masing ataupun hantar pergi kedutaan. Kedutaan bagi *pack* semua dan hantar pergi di sini ataupun cadangan Yang Berhormat Gombak itu satu tempat dan kira di situ dan baru bagi-bagi kepada saya rasa kepada *Returning Officer* di kawasan masing-masing itu, itu *is the question of mechanism* sahaja.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, yang saya cadangkan tadi itu cuma cadangan. Jadi mungkin SPR perlu meneliti berapa keperluan, tenaga ataupun bajet. Kalau kita merasakan boleh kita *push* untuk perbincangan dan kelulusan, kita boleh ambil pendirian itu. Ini merupakan cadangan sahaja bukan maksudnya - kalau mekanisme itu boleh menambah baik proses saya ingat kita harus mendukungnya. Bajet tenaga itu SPR kena tentukanlah.

Tuan Pengerusi: Okey, kita masukkan dalam laporan. Setakat ini dalam sistem undi poslah dengan cadangan mencari jalan penambah baikkan yang lebih kemas, yang lebih efisien dan sampai undi itu dapat diambil kira dalam kiraan sekarang ini lepas pilihan raya baru dia datang. Okey, perlu lihat perkara ini. Yang Berhormat Alor Gajah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan pengerusi, saya ingin menasihati SPR tidak dikaji tentang *exception* untuk Singapura dan Brunei. Oleh kerana kalau kita izinkan mereka di Singapura dan Brunei buat *postal vote then* isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kapit ada asas lagi. Mereka di Kuala Lumpur tidak boleh balik Sarawak dan sebagainya. Jadi kajilah semua itu lah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *once we exemption to one...*

Tuan Loke Siew Fook: *How about* berkenaan dengan ini Tuan Pengerusi saya hendak tanya pandangan SPR. Ada tidak kajian yang juga dilakukan terhadap apa yang kita dicadangkan iaitu pengundi di Sabah dan Sarawak kita buka...

Tuan Pengerusi: Okey, *so next topic* Sabah dan Sarawak.

Tuan Loke Siew Fook: ...*Voting* di Semenanjung?

Tuan Pengerusi: Dia kata boleh kalau undi pos. Sila. *Sorry* tapi dulu gambarkan analisa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi undi pos memang jawatankuasa tidak setuju diperluaskan.

Tuan Pengerusi: Tidak juga.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Maknanya...

Tuan Pengerusi: Ada kes-kes yang perlu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Maknanya kalau SPR kata orang Sabah dan Sarawak bertugas di Malaysia, di Semenanjung...

Tuan Pengerusi: Ini Malaysia semua ini.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Misal kata hendak memastikan mereka mendapat kertas undi dia, undi pos misalnya. Saya tidak fikir jawatankuasa tidak bersetuju ya. So hendak...

Seorang Ahli: ...Sebelah sini setuju. Belah sana tidak bersetuju.

Tuan Pengerusi: Sini setuju.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Oleh sebab kita *concern* berapa ramai rakyat Sarawak yang bekerja di Semenanjung tidak boleh balik pada hari mengundi.

Tuan Pengerusi: *Vice versa*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Vice versa* lah, tetapi bila kita kata *why not* kita buat satu sistem, SPR kaji buat sistem undi pos. Di mana kalau kita hendak meluas kepada wartawan tadi pun begitu juga. Petugas SPR pun begitu juga. Asal daripada pengundi biasa.

Akan tetapi saya khawatir Ahli Jawatankuasa boleh menerima hendak menambahkan jumlah bilangan pengundi pos sebab saya rasa besar. Akan tetapi timbul masalah pula mungkin orang kata kalau Sabah dan Sarawak. Sabah-Semenanjung, Sarawak-Semenanjung menyeberangi lautan. Akan tetapi kalau kita tengok Tuan Pengerusi orang lain begitu juga masalah dia. Masalah orang Perlis.

Tuan Pengerusi: Perlis, orang Perlis.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak boleh balik.

Tuan Pengerusi: Perlis tidak banyaklah Datuk Wira. Sekejap.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi maksud saya akan timbul kata orang kenapa SPR buka pada Sabah dan Sarawak sahaja?

Tuan Pengerusi: *Special* lah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya pun tidak hendak balik ke Perlis. Kenapa saya tidak diberi undi pos? Jadi sebenarnya *to satisfy* perkara ini, rumit. Jadi soalnya, kalau kita hendak buka peti undi di luar kawasan maka di Ipoh misalnya satu pusat mengundi di luar kawasan. Semua orang di Sabah dan Sarawak boleh mengundi di Ipoh yang bekerja di Perak.

■1810

Orang yang bekerja di Selangor mengundi di Shah Alam misalnya. Di Johor mengundi di Johor Bahru misalnya. Kalau kita buat begitu timbul masalah *technically*, logistik tadi iaitu kita kena kenal pasti pengundi yang berdaftar ini. Daripada Kapitlah, daripada segala tempat yang di....

Tuan Pengerusi: Pengundi berdaftarlah, pengundi berdaftar.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya lah. Ramai orang di sana. Kalau kita ambil di Johor sahaja Tuan Pengerusi, diramalkan dalam 30 ribu. Jadi, kita kena cari mereka itu di seluruh tempat itu. Daripada RO kita dekat Stampinkah, dekat segala tempat di Miri atau Sib. Koyak dia punya kertas undi itu, hendak kena buat dan hantar kepada Johor Bahru untuk dia datang ke situ. Rumit sungguh. Akan tetapi saya takut juga Yang Berhormat Gombak kata, belum buat lagi sudah mengalahkan?

Tuan Pengerusi: Itulah, itulah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi sebenarnya pengundian di luar kawasan ini kita boleh kaji perkara ini sebab ia melibatkan SPR ada kuasa bukakan hak itu kepada dia. Akan tetapi hendaklah dibincangkan oleh Jawatankuasa, diluluskan oleh Parlimen, minta kepada SPR. Jangan suruh SPR. SPR kaji, apabila SPR kaji, SPR kata tidak boleh, Jawatankuasa kata, buat juga. Jadi, saya rasa lebih baik dalam perkara ini kerajaan tentukan dasar dahulu.

Maksudnya, Parlimen tentukan dasar dahulu. Oleh sebab SPR akan kaji sedalam-dalam yang kita boleh kaji dan kita akan tengok macam mana kerumitannya. Kerumitan dari segi *technicality*nya itulah sahaja.

Orang Sabah ini mendaftar dalam 30 bahagian pilihan raya di Sabah. Di Sarawak pun begitu juga. Dia duduk berselerak di Semenanjung ini. Ada bekerja di Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan di mana-mana. Jadi, kita kena ambil kertas undi yang dia mendaftar ini dan kita kena bawa ke situ. Dalam masa yang begitu tertekan itu dan dia mendaftar.

Kita boleh letak dia di satu tempat, kalau kita tidak hendak buat doket peti undi yang banyak misalnya, kita boleh gaulkan sekali gus dalam peti undi yang sama. Akan tetapi hanya boleh dibuka selepas pengundian ditutup. Selepas pengundian ditutup baru kita *sort out*, berapa daripada Miri, berapa daripada Sibul, berapa daripada Kuching Utara, Petrajayakah, baru kita dapat *sort out*. Jadi, kalaulah kita bercakap *100,000 ballot papers*. *Imaginelah*. Sebab itu kita rasa kalaulah Jawatankuasa fikirkan *trust* sistem undi pos...

Tuan Pengerusi: *That is the base one. Main mail* sahaja.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, kalau kita bercakap kepada wartawan petugas SPR, sejak dahulu lagi mereka mengundi pos. Inilah saya nampak satu kalau buka tempat mengundi di luar kawasan ini, cukup susah bagi SPR sebab dalam keadaan yang begitu tertekan pegawai pengurus kita untuk bahagian itu hendak kenal pasti berapa kertas undi yang dia hendak koyak, hendak masukkan dan agihkan kepada itu. Jadi, saya...

Tuan Pengerusi: Okeylah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Datuk guna dua kali perkataan "tertekan"..., siapa tekan ini?...
[Ketawa] Tidak, saya percaya RO boleh menjalankan tugas dengan *calm*, tenang. Tidak ada tertekan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya berhubung rapat dengan pegawai-pegawai pengurus kita. Kita sekarang ini *introduce* pelbagai perkara baru. Undi awal. SPR *take over* daripada *military*, *take over* daripada polis. Polis dan tentera goyang kaki sekarang. Dia tidak hendak masuk campur. Semua pegawai SPR. Peraturan baru, tata cara baru, undi awal.

Tuan Pengerusi: Tidak apalah, nanti kami sokong perluaskan tambah tenagalah Datuk Wira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, RO selepas itu hendak kuatkuasakan PPKPR pula, Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya. Dengan perundangan-perundangan, kita hendak macam-macam perundangan seperti Akta Polis telah dibatalkan. Jadi, sekarang ini mereka hendak berceramah. Macam-macam. Jadi, sekarang ini perkara baru yang kita sedang taklimatkan kepada RO kita di seluruh negara.

Mereka sekarang ini, maaf cakaplah Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Tidak apalah, kita tambah tenagalah Datuk Wira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya.

Tuan Pengerusi: Apa yang penting kita telah cadangkan itu sebagai satu dasar kepada Parlimenlah. Nampaknya dipersetujui.

Hanya mekanisme, bagaimana untuk laksana dengan efisien. Kalau zamannya belum tersedia waktu dahululah tetapi kami masih kekal dengan cadangan itulah. Hanya mekanismenya bagaimana dengan yang kita boleh buat dengan kos yang terendah, kalau implikasi pekerja. *So, if it is not ready for this election, I think what to do* lah, kerja Jawatankuasa. Akan tetapi kami masih - dasar kita ada cadangan. Hanya pelaksanaannya.

Okey, Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya singkat sahaja Tuan Pengerusi. Saya amat bersimpatilah selepas mendengar Datuk...

Tuan Pengerusi: Tertekan itu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ... Tertekan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Semua Yang Berhormat-Yang Berhormat tekan... [Ketawa]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gombak. Jawatankuasa kita untuk kita hendak mencari bagaimana kita hendak menambahbaikkan proses pilihan raya. Oleh kerana itulah pelbagai cadangan diutarakan. Kita kena tengok di mana yang kita sepatutnya boleh tambah baikkan. Jadi, isu pengundi di Sabah dan Sarawak dan *vice versa* juga ada ramai kita orang Semenanjung duduk dekat sana, berkhidmat di sana perlu mengundi juga.

Ini timbul kerana saya bimbang kalau kita tidak mengambil kira perkara ini, bagaimana dengan orang *Singapore*, kerana dia antarabangsa, kita beri dia peluang. Maka, *Singapore* dia boleh ambil kereta api, ke mana-mana boleh mengundi dalam dua atau tiga jam sampai ke tempat. Akan tetapi orang Malaysia, Tawau berapa jam Tuan Pengerusi? Tawau pesawatnya?

Tuan Pengerusi: Tawau, 9 jam. Kalau menggunakan pesawat 50 minit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Mana 50 minit. Tawau ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Oh, memang dua jam...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Dua jam setengah.

Tuan Pengerusi: Dua jam setengah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Hampir sampai ke Hanoi. Jadi, itu berapa jauh kita di pisah oleh Laut China Selatan. Memang kalau kita bersetuju untuk undi luar negeri, orang Medan kita bagi di Sumatera, orang Tawau kita tidak bagi, bagaimana? Itu sahaja kita kena ambil kira. Oleh sebab kita ini dalam negeri, jadi begitu luas, *physically* di pisah oleh Laut China Selatan. Kita kena ambil kira. Itu sahaja. Sebab itu kita dalam – itulah satu-satunya tugas saya di sinilah sebagai dari Sarawak dan Sabah.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih. Saya sokong cadangan daripada Yang Berhormat Kapit. Sebab saya rasa perlu diambil kira ialah jarak, bukannya luar negara sahaja. Sebab itu pun cadangan daripada pihak NGO Bersih umpamanya. Dia kata 250 kilometer. *Absentee voting* itu *defined* sebagai kalau pengundi itu jarak dia 250 kilometer. Itu cadangannya.

Sebentar tadi Datuk Wira kata RO kita iaitu pegawai pengurus pilihan raya kita sangat tertekan. Saya faham kerana mereka ini pun daripada pegawai daerah, daripada YDP yang ada tugas mereka sendiri tiap-tiap hari. Sekarang pula datang hendak pilihan raya, lagi tertekan.

Jadi, saya rasa adakah SPR bersedia untuk menerima cadangan bahawa RO ini dibuka kepada sesiapa sahaja. Sebab apabila kita pergi ke *Germany, Returning Officer* ini tidak semestinya daripada pegawai kerajaan, dia sesiapa sahaja. Mungkin ada kelayakan-kelayakan dia, kriteria dia. Sesiapa sahaja boleh memohon daripada SPR. Apa pandangan SPR. Boleh tidak buka kepada sesiapa sahaja.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kenapa kita melantik pegawai daerah, YDP untuk menjadi pegawai pengurus? Ini kerana pegawai pengurus adalah CEO, orang yang paling berkuasa sekali dalam menguruskan pilihan raya. Jadi, untuk menguruskan pilihan raya, seorang pegawai pengurus yang dilantik itu perlu mempunyai kuasa logistik. Dia mempunyai kuasa untuk hendak menentukan dalam kawasan dia itu.

Jadi, dalam sistem pentadbiran di negara kita ini, kalau dalam daerah itu, *DO is the king*lah. Dia boleh panggil Pengarah JKR, dia boleh panggil semua apa untuk logistik pilihan raya. Itu sudah menjadi lumrah daripada dahulu lagi. Jadi, kita mengambil kira – kita hendak cari seorang pegawai pengurus yang menguruskan pilihan raya mempunyai kuasa yang SPR perturunkan kepada dia, dia mempunyai keupayaan untuk menggembel tenaga. Tidak ada orang yang lebih kuat daripada dia. OCPD hormat pada dia, *head of department at the district level* pun hormat kepada dia. *Everything is at his finger tips* kalau pegawai daerah kita ini Yang Berhormat.

■1820

Jadi, itulah sejak daripada merdeka dahulu lagi, RO kita adalah pegawai daerah. Akan tetapi kalau kita hendak cuba buka kepada orang lain misalnya, untuk lantik itu. *Imagine*, bayangkan Yang Berhormat, dia orang lain hendak mari jadi RO, hendak mengarahkan orang ini, hendak mengarahkan orang ini, hendak panggil mesyuarat pun orang tidak akan hormat. Akan tetapi kalau DO panggil mesyuarat, semua pejabat daerah, Ketua Pendidikan Daerah, ketua daerah itu, JKR, semua akan datang. Itulah lumrah apa yang berlaku... *[Disampuk]*

Selepas dia menerima watak daripada SPR, wri pilihan raya kita turunkan kepada dia. Memanglah *power* dia ada jadi tetapi jikalau dia ini *is a somebody* yang datang dari luar, bukan kawasan itu, kita kena kaitkan juga dengan *environmental respect* dalam keadaan itu. Jadi, saya tidak nampak kita, kita boleh ambil macam kita pernah mengambil Ketua Jabatan Pertanian misalnya. DO tidak cukup. Kita buat..., ambil, boleh tetapi dia ini kadang-kadang telefon juga DO minta tolong sebab apa ada kawasan yang mana macam tidak salah saya di Seberang Perai ada kawasan yang YDP jadi RO dan DO pun jadi RO.

Dia terpaksa ini tetapi saya rasa itu bukan perkara isu besarlah iaitu kita mesti – SPR dalam menjalankan pilihan raya sebab perlu mempunyai seorang pegawai pengurus yang berkuasa, yang dihormati dan segala tindak-tanduk dia ataupun segala arahan dia oleh ketua-ketua jabatan di peringkat daerah ini akan dipakai.

Tuan Pengerusi: Ya, *I think* Yang Berhormat Rasah cadangan itu memang baguslah tetapi *maybe* sudah zamannya, suasananya, *setting* nya belum sampai ke tahap di situ tetapi we can *discuss* lah.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi saya rasa pemikiran itu kena ditukar.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Loke Siew Fook: Sebab kita tidak boleh terima kata orang itu *powerful* dan ini saya rasa adalah satu lagi kita mahu bimbang kalau orang itu tidak menjalankan tugasnya dengan adil, maka saya rasa ia *disadvantage* kepada calon yang bukannya daripada pihak *government*. Saya rasa itu yang banyak kekhuatiran daripada banyak pihak.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Cuba Yang Berhormat bagi syor orang macam mana yang boleh...

Tuan Loke Siew Fook: Saya rasa ada memorandum kepada Tuan Pengerusi minggu lepas daripada pihak Bersih dan mereka mencadangkan daripada masyarakat sivil umpamanya daripada *Bar Council*, daripada bekas hakim, daripada mungkin *professional groups* yang mungkin ada kriteria daripada diberikan oleh SPR. Mungkin dia kenalah seorang yang daripada badan yang bertauliah, *professional group* umpamanya.

Tuan Pengerusi: Saya hendak *adjourn*. Okey, ada makna cadangan itu tetapi pihak kita pun saya rasa penjelasan yang tadi itu dalam pandangan sayalah sebagai pengerusi dan pengalaman di Sabah dan Sarawak itu yang terbaiklah. Akan tetapi tempat-tempat di kota besar *maybe can look at some you know* ataupun pegawai lain jika diperlukan *at least* bukan selalu pemegang pemerintahlah. *I think that is their concern about*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau hendak ikut negara-negara lain...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pengalaman kitalah Yang Berhormat Datuk, Datuk Seri, kita hendak orang yang menerima amanah daripada SPR, diturunkan kuasa oleh SPR, orang yang boleh melaksanakan kerja dalam tempoh masa yang singkat...

Tuan Pengerusi: Faham, faham.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: ...Tertekan. Dia tidak boleh lagi soal bagi *comeback to* SPR bagi alasan, dia bagi alasan.... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ini saya bagi cadangan jangka...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ini memang hakikatnya Yang Berhormat tetapi saya...

Tuan Pengerusi: Dalam jangka panjang, *I think* bolehlah. Lebih banyak terlibat *civil society* dalam pengendalian pilihan raya. *That is the tone of it* lah. *You know*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Izinkan Yang Berhormat saya ambil dua, tiga minit hendak menjawab Yang Berhormat Gombak punya...

Tuan Pengerusi: Yang terakhir.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: ...*Question* tadi iaitu kenapa kita tidak melantik nama di kedutaan sebagai Penolong Pendaftar Pemilih. Kita lantik seperti kita lantik apa yang kita panggil pelantikan pukal, iaitu sesiapa...

Tuan Pengerusi: Pukau atau pukal?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pukal? Pukal ini macam kita lantik *post office* sekarang ini Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi: Oh, faham.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Orang yang pergi ke *post office* sekarang ini dia ambil nombor. Ambil nombor, kaunter itu kosong dia pergi ke situ. Orang kerani itu boleh *sign*. Kaunter ini kosong dia pergi situ. Di kedutaan begitu juga. Kalau kita *identify* kan Harun bin Che Su sebagai Penolong Pegawai Pengurus – *sorry* Penolong Pendaftar Pemilih. Kalau dia sakit pada hari itu, dia bercuti dua minggu balik ke Malaysia pada hari itu, dia tidak ada, macam-macam. *Student* kita datang hendak mendaftar, orang kita datang hendak mendaftar – pegawai tidak ada. Orang *embassy* senang sahaja jawab “*The officer is not around*”, “*The officer is on-leave*”. Sudah.

Jadi, kita *make sure* kita beritahu kepada duta kita *any* pegawai yang dikenal pasti oleh duta kita boleh juga menerima pendaftaran. Akan tetapi dalam kedutaan itu Yang Berhormat, ada *coordinating officer*. Hendak menunjukkan borangnya cukup, pendaftarannya berapa masuk dan sebagainya. Ada seorang yang mana SPR boleh e-mel dia. Dia boleh mengadu kepada SPR pertanyaan-pertanyaan yang ditanya oleh rakyat Malaysia. Kalau *ambassador wants to update report*, ada seorang pegawainya tetapi *when comes to PPP*, Penolong Pendaftar Pemilih, *anybody* kita kena buat pukal Yang Berhormat. Kita tidak boleh spesifik, dia sahaja boleh terima. *It sounds easy but it cause inconvenient*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Okey, *last*.

Tuan Pengerusi: Okey, *silalah*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey. Keterangan yang diberikan oleh wakil Wisma Putra pada 6 Mac yang lalu, walaupun cadangan SPR buat secara pukal, Kementerian Luar telah menamakan pegawai-pegawai tertentu di setiap kedutaan ya. Sebab itu kita hendak nama-nama pegawai itu. Jadi, maknanya kalau cadangan SPR buat secara pukal itu, kita dapat aduan bila rakyat Malaysia telefon kedutaan...

Tuan Pengerusi: Ya, semua tidak tahu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Semua tidak tahu. Jadi, bila kita tanya SPR...

Tuan Pengerusi: Jadi di sanalah yang sistemnya *failure*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: ...Jadi, tetapi bila dalam perjumpaan yang lepas Wisma Putra menafikan bahawa mereka tidak kata boleh lantik mana-mana pegawai. Mereka namakan pegawai setiap kedutaan. Jadi, kita hendak tahu sebab kita hendak mencadangkan nama itu diangkat dalam laman web. Tidak apalah, kita doakan dia sihat tetapi katalah dia sakit, sekurang-kurangnya daripada 365 hari, 360 hari dia sihat, bolehlah rakyat Malaysia berurusan dengan dia. Bila dia sakit mungkin ada pembantu atau pegawai lain yang boleh membantu. Jadi, ini kita hendak membantu macam mana hendak menyelaraskanlah dari segi pendaftaran di kedutaan.

Tuan Pengerusi: Waktu itu KLN sedia angkat nama-namalah untuk pertimbangan pihak SPR kerana itu bolehlah disusuli sebab memang ini aduan kami ada dengar bahawa terlampau *general* dan orang tidak tahu siapa yang bertanggungjawab tetapi itu kerana mengalihkan kedutaan sana tidak berapa kemas untuk menetapkan siapa-siapa ataupun terlampau banyak orang yang terlibat begitu. *So, boleh?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya anggap sebagai pegawai koordinatorlah.

Tuan Pengerusi: *Ya, something like that.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita *reconcile* kan pandangan SPR dengan pandangan jawatankuasa. Tidak ada masalah untuk SPR hendak pameran nama mereka yang telah dikenal pasti sebagai orang yang boleh dihubungi. Walaupun sekarang Yang Berhormat kalau kita ada masalah dengan UK misalnya, kita *go to the one person* tetapi kalau rakyat Malaysia hendak pergi mendaftar, takkan hendak tunggu orang itu ada baru dia boleh mendaftar. Jadi, kita di samping sistem pukal, sistem yang Yang Berhormat hendak pun kita boleh buat.

Tuan Pengerusi: Okey, jangan pukal jadi pokailah, *you know*.

Tuan Loke Siew Fook: Satu isu penting.

Tuan Pengerusi: Pokai itu bankrap.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi. Sini, sini. Rasah, Rasah.

Tuan Pengerusi: *Sorry, sorry... [Ketawa] Saya...*

Tuan Loke Siew Fook: SPR tidak tertekan. Jangan bimbanglah.

Tuan Pengerusi: Okey, sila, sila. Okey, *last comment*.

Tuan Loke Siew Fook: Ini satu soalan saya rasa penting juga. Datuk Wira semalam ada membuat satu kenyataan mengatakan bahawa pengiraan undi secara awal tidak akan lagi dilaksanakan. Kita akan buat semuanya selepas pukul 5 – pukul 4 ya. Saya rasa ini kebanyakannya *apply* kepada Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung tidak ada, tidak ada kes macam ini.

Dahulu SPR membuat pengiraan awal *usually* ialah kerana dari segi logistik. Peti undi itu kena diangkut balik ke kawasan pusat penjumlahan undi, ada yang melalui sampan, melalui helikopter dan sebagainya. Apakah sekarang kalau dilakukan pada pukul 4, adakah bukan masalah itu akan timbul juga? Kalau pusat itu ditutup pukul 2, pukul 4 baru buka peti itu. Dua jam itu bagaimana?

Tuan Pengerusi: Ceritalah...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, pengalaman pilihan raya umum negeri Sarawak ya. Apabila mereka tutup jam 1 ataupun jam 12, jadi kita benarkan dia mengira undi sejam selepas itu...

■1830

Tuan Pengerusi: Yes.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sebab petugas kita dah bawa peti undi tadi ke pusat pengiraan undi berkelompok, dia tunggu sampai pukul 5 petang terlalu panjang. Jadi kita kata, okey selepas semua sampai di situ, bagikan kepada meja peti undi masing-masing dan mula mengira di depan wakil calon yang telah dikenal pasti oleh calon untuk hadir masa pusat pengiraan undi berkelompok. Ini di Sarawak sahaja, di Semenanjung tidak ada kes ini. Apabila dia mengira undi, sebab jumlah kertas undi itu terlalu sedikit, setengah jam pun dah habis. Bila dia dah habis, wakil calon pun SMS kepada bos-bos parti dia, kita dah menang, saluran ini dah menang, peti undi ini dah menang. Jadi dari segi ini Yang Berhormat, keputusan pilihan raya tidak wajar diumumkan lagi. Sekadar satu keputusan saluran telah diketahui, tidak bolehlah kita terus jawab media, *interview* mengatakan kita ini, jadi *confusion*. Pertama, kedudukan SPR yang bertanggungjawab mengisytiharkan keputusan pilihan raya dan mengesahkan keputusan pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Jadi cadangan?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi cadangan kita, mengambil pengalaman itu, mereka kumpulkan, mereka bawa balik dengan sampan ke dengan helikopter ke mana-mana tempat, tidak banyak sekarang ini Yang Berhormat. Di Sarawak ada lapan sahaja. Lapan pusat mengundi, bawa pergi ke pusat mengundi berkelompok...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pertama, helikopter kita dia bergerak, dia ambil di sini satu peti, dia tidak boleh tunggu untuk kira. Helikopter ini pula Tuan Pengerusi, dia tidak boleh terbang sesuka hati, dia mesti terbang sebelum pukul 4 petang, mungkin pukul 3 petang. Jadi, peti di sini ada 50 kertas undi di dalamnya misalnya, peti di sana ada 100. Dia pergi ambil di sini, pergi ambil di sana dan bawa balik ke pusat pengiraan undi berkelompok, *centralize counting center*. Jadi di situ, agen calon dah diberitahu pukul berapa kita hendak mengira. Jadi sekarang ini, mengambil pengalaman pahit kita yang lepas, di mana ada parti dah mengumumkan dia menang di sini, walaupun secara tidak langsung Yang Berhormat, ia boleh mempengaruhi.

Maknanya, kalau dia sudah bercakap, orang ini cakap, saluran ini dia menang, saluran itu dia menang, padahal pengundian sedang berjalan, belum ditutup lagi. Dari segi etikanya tidak begitu baguslah. *Why not, kita just wait until polling close*, barulah kita tahu keputusannya.

Tuan Pengerusi: *So, serentak semua kira, begitu?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, SPR sekarang ini sedang memikirkan pukul 4 petang. Jadi, kita bawa helikopterlah, sampankah, bawa ke pusat pengiraan berkelompok. Di situ pegawai polis ada, wakil calon ada, tunggulah sekejap dua jam. Di situ ada *electricity* sebab Dewan yang kita pilih untuk pengiraan berkelompok ini memang dewan yang cukup segala peralatan. Kalau kita mengira dekat saluran sana, mungkin di situ hanya ada khemah sahaja.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dahulu itu Datuk Wira, macam di Sabah yang jauh-jauh ini, dia terus kira di situ baru helikopter bawa balik. Habis tutup katakan jam 2, baru helikopter pergi ambil sini sana tetapi sudah dikiralah sebelum itu. Borang semua sudah sains. *So*, hendak berhentikan itu, sekarang tidak boleh kira sana?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sebagaimana Pengerusi sudah *announced* di Kota Kinabalu baru-baru ini. Kita duduk fikirkan sekarang ini, kita akan buka peti undi itu di pusat pengiraan berkelompok tadi satu jam sebelum pengundian ditutup di seluruh negeri Sarawak. Jadi, kita harapkan apabila *start* kira pada pukul 4, proses bukak, betulkan itu semua, *just enough time*. *By the time* dia dah kira, *10 more minutes to polling close already*. Jadi, *by that time...*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Pukul 4 itu, SMS dah jalan dah. Betul tidak betul, lain kira.

Tuan Pengerusi: Baru satu PPU, dua PPU...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Apa yang hendak diceritakan bukan di peti undi, itu seluruh negeri yang lain supaya mempengaruhi *mood* itu. Jadi, kata peti undi ini kita dah kira menang 12 undi dah, 12 undi sahaja. Akan tetapi *mood* itu macam mana?

Tuan Pengerusi: Dia kata sana kalau menang memang tetap menang.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi ini *applied* kepada kawasan pedalaman yang dia bawa peti undi itu ke pusat secara kelompok. Akan tetapi saya ingat di Sarawak, umpamanya di Sibu masa pilihan raya kecil. Ada juga kawasan-kawasan yang tidak dikira di sana tetapi ditutup awal, tutup pukul 12, macam mana pula yang macam itu?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Di Sibu Yang Berhormat, PRK. Bila PRK, di Sibu berapa banyak sangat kawasan yang melibatkan helikopter?

Tuan Loke Siew Fook: Saya kata tidak melibatkan helikopter, ada kawasan-kawasan yang ditutup awal pukul 12, pukul 2. Ia kena terus mengira undi pada ketika itu juga tetapi adakah ini pengiraan pukul 4, *applied* kepada kawasan-kawasan ini yang tidak melibatkan helikopter?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya rasa kita tidak bolehlah pilih-pilih kawasan.

Tuan Pengerusi: *So*, semua sama, macam itu?

Tuan Loke Siew Fook: Bukan, soalan saya, kalau *applied* kepada semua, katakan ada kawasan yang dekat bandar sikit, dia tutup pukul 12, katakan dia hendak tutup pukul 4, adakah ejen itu dibenarkan 4 jam di sana atau macam mana?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kalau dia di bandar Yang Berhormat, kita tidak bawa pergi ke kelompok.

Tuan Loke Siew Fook: Betullah di situ tetapi adakah dia kena tunggu sampai pukul 4 juga?

Tuan Pengerusi: Memang, kalau dia hendak tengok *result*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Memang kita hendak kira paling awal pukul 4, itu apa yang dimaksudkan oleh Pengerusi.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, saya cadangkan Datuk Wan, kalau untuk kawasan-kawasan ini yang dikatakan kalau hendak *push* kepada pukul 4 baru kira, *why not* pusat itu dibuka sehingga pukul 4? Janganlah tutup pukul 12.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Habis dah pengundi.

Tuan Loke Siew Fook: Tidak apalah. Biarlah dia ada panjang sikit masa untuk mengundi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak boleh Yang Berhormat, *because* helikopter hendak pergi ambil...

Tuan Loke Siew Fook: Bukan helikopter. Saya bukan cakap pasal helikopter. Kawasan-kawasan yang dekat dengan bandar, umpamanya di Sibu. Saya tahulah sebab saya ada pengalaman, di tempat lain saya tidak ada pengalaman. Dia pukul 12 dah tutup. Kalau SPR kata hendak kira pukul 4, takkan empat jam itu tutup semua kawasan, sekolah tutup dan sebagainya, orang itu tunggu sana empat jam. *Why not*, masa undi itu dipanjangkan.

Tuan Pengerusi: Banyak rokok kena pakai itu, duduk tiga, empat jam.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, kita akan teliti satu persatulah pusat mengundi di Sarawak nanti. Sebab SPR buat keputusan dasar ini, kira pukul empat ini selepas pengalaman PRU Sarawak baru-baru ini. Jadi, kita buat keputusan begitu tetapi kalau Yang Berhormat bangkitkan ada di kawasan *urban constituencies* yang mana tutup pukul 1 misalnya, kenapa tidak panjangkan pukul empat. Ini perkara yang kita akan tengok secara spesifik.

Tuan Pengerusi: Biasanya kalau di bandar itu, tidak adalah yang awal tutup, kecuali semi...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sebab di Sarawak Tuan Pengerusi, kita tidak boleh tinggal petugas SPR kita di tempat itu. Kita hantar dia *one day before* tetapi pada hari mengundi, kita kena *pluck them out* daripada *places* ini. Helikopter ini, kita dapat 25 helikopter itu pun dah mujur. Kita dapat daripada Indonesia, Filipina. Kerja dia, *go and pick up the workers* ini. Jadi, kita tidak boleh— *because, weather system* di Sarawak, kita bercakap...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Datuk Timbalan Pengerusi, ada tidak kesan ataupun implikasi perundangan ataupun peraturan dalam pilihan raya? Sebab pengalaman pahit di negeri Sarawak, di mana kita tidak dibenarkan untuk *recount* di pusat penjumlahan undi. Jadi, kalau sekarang ini, kalau semua dibawa ke pusat penjumlahan undi, SPR kena meminda peraturan ataupun peruntukan yang sedia ada supaya membolehkan untuk kita *recount*, dah..., dah pinda tak? Sebab itu ada dalam peraturan. Sebab sekarang ini, pengalaman di Sarawak hari itu, saya tahu tidak dibenarkan untuk *recount* tetapi kalau dalam dasar yang baru ini, di mana hendak bawa dan dikira semua di pusat...

Tuan Pengerusi: Kita katakan boleh kalaulah 3% atau 4% itu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, izinkan saya jelaskan...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sebab kita tidak boleh *recount* di pusat pembuangan undi kerana telah dikumpulkan, maka pusat pengumpulan ini mesti dibenarkan untuk *recount*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, bila kita kira di pusat pengiraan undi berkelompok.

■1840

Setiap *team* yang *in charge* peti undi itu, *team* itulah yang membuat kiraan di hadapan agen-agen calon. Kalau agen calon tidak puas hati, beliau boleh minta ulang kira walaupun peti undi itu mengandungi 100 kertas undi sahaja. Jadi, ulang kira itu sudah dibenarkan di setiap peti undi yang dikira di pusat pengiraan undi berkelompok. Apabila telah dipersetujui, ditandatangani Borang 13 dan Borang 14, di bawa kepada pusat penjumlahan undi, sudah tidak boleh lagi undang-undang minta ulang kira. Cuba Penasihat Undang-undang SPR...

Tuan Pengerusi: Ya, yang kita katakan waktu itu. Kalau dekat tiga dengan empat walaupun di pusat pengiraan berkelompok itu, boleh – kita telah cadangkan 4%. Bukan itu dilaksanakan?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Pada dasarnya Tuan Pengerusi, ia dikira di saluran. Ini yang dasarnya. Kita jangan cakap pasal yang pindah-pindah ini dahulu. Di saluran itu, kata saluran satu dia hendak buat ulang kira di situ juga. Akan tetapi saya faham isunya sekarang, sekarang ini tidak dikira di situ, di bawa ke satu tempat berkelompok. *Issue now is* sama ada boleh atau tidak boleh dibuat pengiraan semula di situ sebab di sana sudah dipecahkan kepada satu tempat mengundi...

Tuan Pengerusi: Satu tempat sahaja.

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Sedangkan undang-undang membenarkan ulang kira itu hanya untuk di setiap saluran.

Tuan Pengerusi: *Yes. So now*, sudah ubahlah?

Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff: Saya tidak berapa jelas tentang kedudukan – saya rasa tidak ada...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Belum. Oleh sebab itu saya minta supaya perkara ini diteliti. Ada implikasi perundangan sebenarnya sekiranya dasar ini dilaksanakan. Jadi kalau penasihat undang-undang boleh teliti dan memberikan cadangan, kalau perlu pinda dan kita cadangkan pinda peruntukan tersebut. Kalau tidak boleh *recount*, ini menimbulkan masalah.

Tuan Pengerusi: Saya rasa perlu telitikan sebab ada implikasi.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini kerana tadi Datuk Wira Timbalan Pengerusi kata boleh, tetapi penasihat undang-undang juga belum pasti untuk melihat perundangan yang sedia ada. Kalau perlu pindaan, kita pinda dan taklimat diberikan kepada...

Tuan Pengerusi: *I think* seperti dalam peraturan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Returning Officer* supaya mereka memahami. Maksudnya dibolehkan atau tidak dibolehkan. Kalau tidak, jadi *chaos* nanti di pusat penjumlahan...

Tuan Pengerusi: Ya. *I think you better check properly*. Barangkali peraturan...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Cakap itu amalan kita yang lepas kalau dibawa ke tempat berkelompok, *team* yang *in charge* peti undi itulah yang mengira dan agen-agen itu ada di situ. Kalau dia sudah kira peti undi itu ada 300 kertas undi, parti 'A' dapat sekian banyak, parti 'B' sekian banyak, dia tidak puas hati, dia minta ulang kira sebab *differences is 4%*, dia sudah minta ulang kira di situ. Ini kerana *the concept of* saluran itu tetap ada. Dibawa saluran itu ke berkelompok disebabkan oleh logistik api elektrik tidak ada, dewan tidak sempurna, cuaca tidak bagus, keselamatan petugas, itu yang dibawa kepada dewan berkelompok. Akan tetapi konsep saluran itu tetap ada, KTM ada, kerani mengira undi ada. Jadi sebab itu saya kata amalan kita yang dahulu, kalau dia tidak puas hati *4% the differences*, kiralah di situ.

Tuan Pengerusi: Okey. Kita minta pengesahan sahaja supaya itu diambil kiralah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, *since we are in this point* kita ada dalam interim *report* dahulu, keputusan kita di tempat di saluran kalau ada perbezaan kecil daripada 4%, perkiraan semula boleh dipohon. Kalau sudah dijumlahkan, beza antara pemenang dan tempat kedua kurang daripada 2%, perkiraan semula dibenarkan. Apakah ini telah diambil tindakan? Di pusat penjumlahan itu setelah di jumlah-jumlah, bezanya *2% or less*, jadi adakah ini telah diambil tindakan oleh pihak SPR untuk merubah apa-apa peraturan jika perlu?

Tuan Pengerusi: Kita turunkan itu. Akan tetapi itu dahulu kerana sudah kira di lain tempat, tidak boleh kira lagi bila di tempat pengumpulan...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Itu dahulu.

Tuan Pengerusi: Dahulu. *So* kami cadangkan, benarkan juga kalau ia kurang dari 2%. *So, is did still apply now that* kita ada satu *centre* sahaja bukan? Satu tempat sahaja kita kira untuk...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi, saya rasa kita SPR sudah beri sudah keputusan perkara itu...

Tuan Pengerusi: *I think so...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Iaitu kita tolak.

Tuan Pengerusi: / see.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita tolak, Tuan Pengerusi sedia maklum di pusat penjumlahan undi, kita ada mungkin 40 peti undi. Kita tuang semua kertas undi tadi di dalam 40 peti undi, kita tuang atas meja dan kumpulkan semua kerani pengundian, KTM kita tadi sudah duduk bekerja satu hari sudah daripada pagi, perlu tunggu balik, panggil balik dia untuk hendak mengira... [Disampuk] Memang betul Yang Berhormat. Jadi sekarang ini kita buat keputusan Yang Berhormat ya...

Tuan Pengerusi: So 4%?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pengundian ulang kira hanya dibenarkan di saluran.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi sekarang kalau tidak ada saluran lagi sana sebab sudah dibawa ke pusat-pusat... [Disampuk] Di kelompok?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saluran. Kita berkelompok pun Tuan Pengerusi, saluran itu tetap ada. Saluran itu tetap ada.

Tuan Pengerusi: Itu yang di saluran, 2%? So did you reject to that? Is it?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya rasa saluran masih lagi 4%. Dahulu undang-undang lama 2%. Akan tetapi kita hendak beri ruang untuk orang kompelin, orang yang kalah boleh minta ulang kira, kita perluas jadi 4%. Jadi...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi yang di pusat penjumlahan memang telah ditolak ya?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Memang kita terpaksa tolak Yang Berhormat. Ini kerana kalau kita kira di pusat penjumlahan, kalau jumlah kertas undi di situ misal kata 80,000 pengundi, pukul 2 pagi pun tidak selesai... [Disampuk] Saya rasa kita sudah buat simulasi juga. Kalau keputusan di saluran itu begitu keputusannya, kita pergi ke pusat penjumlahan, tidak lari keputusannya. Tidak lari. Dahulu kita besarkan daripada 2% kepada 4% ini *just to be sure the opportunities for asking for recounting vote*.

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk rekod cadangan itu ternyata tidak dipertimbangkan oleh SPR.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: SPR terpaksa tolak Yang Berhormat sebab...

Tuan Pengerusi: Lagi pun dengan pengumpulan ini berkelompok dan *also reduce the need for that. Now you* buat depan berkelompok. Berkelompok ini apa sebenarnya, *we* katakan berkelompok, daerah mengundikah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Berkelompok ini...

Tuan Pengerusi: Dari tempat pusat pengundian, kumpul satu tempat yang *name by* SPR, kira di situ.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Mengira sahaja. Untuk mengira sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya. Kira di situ.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia mengundi mungkin di tempat 'A', tempat 'B'. Di tempat 'A' ada 100 pengundi, tempat 'B' ada 100 pengundi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Di Sarawak mereka ini mobil.

Tuan Pengerusi: Kalau di Sabah itu begini, empat lima tempat itu *you* kumpul satu tempat, kira baru bawa pergi pusat penjumlahan, *telling* penjumlahan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Bawa pergi ke dewan suarah untuk penjumlahan.

Tuan Pengerusi: Jadi boleh bantah kepada peringkat berkelompoklah?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Berkelompok boleh bantah, 4%. Berjalan lancar, tidak ada masalah. Kalau kita pergi hendak *make it more complex*, kira 60,000 kertas undi di dewan itu, petugas SPR tertekan bukan... *[Ketawa]* Petugas SPR sudah satu hari bekerja, selepas itu hendak kira pula. Di luar sana, di luar dewan ini penyokong parti sudah menunggu, polis hendak kawal ketenteraman.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih Datuk Wira. Saya rasa itu sahaja perkara-perkara pokok pada hari ini, perkara baru termasuk interim laporan kami. Semua dalam Hansard. *So*, nanti kita akan senaraikan. Jadi, terima kasih banyaklah. Harap tidak terlalu tinggi tekanan. Oleh sebab semua ada tekanan darah ini. Jadi, terima kasih. Jika perlu minggu depan kalau ada penjelasan barangkali kami akan jemput. Terima kasih Datuk Wira.

■1850

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dari pihak SPR, kami merakam penghargaan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan semua anggota Jawatankuasa pada hari ini. Menjemput SPR, memberi peluang kepada saya mewakili SPR, mewakili Pengerusi untuk memberi penjelasan bagi pihak SPR. Jadi, saya ucap kalau saya apa-apa, minta maaf. Saya memberi penjelasan dari segi sudut profesional. Terima kasih. *Assalamualaikum*. Terima kasih

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya *adjourn* untuk 10 minit. Sama ada yang hendak sembahyang dan kita sambung sekejap sahaja untuk - *I think* tidak dapat sambung sampai tengah malam. Ada yang hendak pergi sembahyang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sembahyang.

Tuan Pengerusi: Sembahyang. *Well* begini Ahli-ahli Yang Berhormat, *we are suppose* hari ini *to focus* kepada menerima laporan-laporan daripada jawatankuasa kecil, apa-apa cadangan, perkara pokok yang hendak bawa dalam laporan. *So*, jika sudah larut ini, sudah dekat sampai pukul 7, *we can fix another meeting* sebelum 14 hari bulan. *Next week*.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Sebelum. *I am suggesting early...*

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: *Has all the Committees submit something in writing, it will be easy.*

Tuan Pengerusi: Hampir semuanya?... Ya, okey begini. *Submit, then saya duduk dengan Setiausaha, kami senaraikan. Edarkan lebih awal, then we will meet awal next week. Today is already Wednesday?* Kita jumpa lagi esok pun susah juga.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang Berhormat *wants to meet tomorrow?* ...Tidak?

Tuan Pengerusi: *Make sure* tempat kami, kami ada enam perkara. Jadi, lepas kita kumpul semua senarai itu, *then issue a priority.* Persetujuan.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Today* Yang Berhormat tidak hendak habiskan lah?

Tuan Pengerusi: Pada 20 hari bulan, *Tuesday?*

Datuk Roosme binti Hamzah: Kita ada apa 20 hari bulan? Oh, PAC. PAC dengan Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi semua *list.* Semua cadangan..

Datuk Roosme binti Hamzah: Jawatankuasa Dewan ada.

Tuan Pengerusi: Semua cadangan hendaklah dibekal pada esok pagi. Esok, esok.

Seorang Ahli: ...Apa dia itu?

Tuan Pengerusi: Cadangan-cadangan, senarai-senarai cadangan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *We can give it now.*

Tuan Pengerusi: *Then* saya akan duduk dan susun untuk - kita perlu duduk untuk persetujuan. Mana yang bersetuju, mana yang nanti kita- dan yang akhirnya mana *short term* dan mana yang *long term...* [Ketawa]

Seorang Ahli: ...Habis masa?

Tuan Pengerusi: Habis masa.

Seorang Ahli: ...*What time?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *What time?*

Tuan Pengerusi: Pada 20 hari bulan, jam 4.

Datuk Roosme binti Hamzah: Empat, empat.

Tuan Pengerusi: Bagi soalan.

Datuk Roosme binti Hamzah: *You all* ada PAC.

Tuan Pengerusi: Empat. *We take for the next one. So, we have dinner and* sambung sampai malam, okey? Yang 20 hari bulan itu, 20 hari bulan...

Seorang Ahli: Yang 20 hari bulan itu?

Tuan Pengerusi: *Then we still have after that* kira-kira 12 hari sahaja, 10 hari..., boleh?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Pada 20 hari bulan kita tidak jempit lagi Timbalankah, Pengerusi SPR ya..., tidak ada?

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Jika perlu.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Standby* lah dia.

Tuan Pengerusi: Jika perlu.

Tuan Loke Siew Fook: Pada 22 hari bulan Tuan Pengerusi, 22 hari bulan, kita pukul 1?

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Tuan Loke Siew Fook: *One, two, three...*, ini 20 hari bulan.

Tuan Pengerusi: *That one* melihat draf sudah.

Tuan Loke Siew Fook: Pada 20 hari bulan, *what time?*

Tuan Pengerusi: Pukul 4. *To clear the list for Secretariat to prepare, the wording kita deal on 24th, possibly the whole day... So, semua 20....*

Datuk Roosme binti Hamzah: Hari ini bolehkah, esok?

Tuan Pengerusi: Okey, sila *submit* paling lewat esok, *especially* ini *alternative system* ini. Siapa setiausahanya..., "Sistem Alternatif"..., ada sudah? Okey, dengan itu saya tangguhkan mesyuarat kepada 20 hari bulan, hari kedua, Selasa minggu depan.

Tuan Loke Siew Fook: Selasa, 20 hari bulan.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tidak, tidak..., jam 4.

Tuan Pengerusi: Jam 4. Semua *submission* diberi paling lewat esok. Bagi saya dan *Secretariat* tengok, senaraikan.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang ini begini sahaja ya?...

Tuan Pengerusi: Sedikit sahaja..., 33% masuk. Okey, terima kasih pegawai-pegawai. udah cukup lewat. *We see you on Tuesday* dan mana-mana Ahli Yang Berhormat mahu jumpa jawatankuasa mengemas kini, dipersilakan, okey.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.